


Keselamatan Siber: Menjaga Keselamatan Kanak-kanak Dalam Talian

Buku Panduan untuk Guru dan Ibu Bapa



Terbitan

Women's Centre for Change, Penang
241, Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia
☎ 04-228 0342 📞 011-3108 4001
🌐 www.wccpenang.org
📱📧📷📺📺 WCC Penang

Tajaan

Cummins Inc.

Penulis

Dato' Dr Amar-Singh HSS
Konsultan Pediatrik

Penterjemah

Nazima Versay Kudus & Roziah Abdul Rahim

Disunting dan dikemaskini pada 2026 oleh

Yeap Yen Ying, Choong Yong Yi, Karen Lai,
Salma Farhanah A. Rasid & Hastiny Subramaniam

Ilustrator

Faizati Mohd Ali

Susun Atur

Elaine Thniah, C-Square Sdn Bhd

Pencetak

Phoenix Printers Sdn Bhd

ISBN No: 978-629-92802-0-0

Hak cipta © 2026 Women's Centre for Change, Penang

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam buku panduan ini boleh dibuat salinan, diterbitkan semula atau diubahsuai mengikut keperluan individu atau kumpulan dengan syarat bahagian-bahagian ini perlu diiktiraf sumbernya daripada Women's Centre for Change, Penang.

Salinan dalam talian
boleh didapati di sini:



Klik untuk
"Buku Panduan
Keselamatan Siber"

KANDUNGAN

1.0 Pengenalan tentang Penderaan Seksual Kanak-kanak dalam Talian	2
• Kesan Eksploitasi Seksual dalam Talian terhadap Kanak-kanak	4
• Memahami Mengapa Kanak-kanak Terjebak dalam Talian	5
2.0 Jenis-jenis Penderaan Seksual dalam Talian	
• Pengantunan (<i>Grooming</i>) dalam Talian terhadap Kanak-kanak untuk Tujuan Seksual	7
• <i>Sexting</i> dan Pemerasan Seksual (<i>Sextortion</i>)	10
• Buli Siber dan Dedah Maya (<i>Doxxing</i>)	14
• Hendap Siber (<i>Cyber-stalking</i>) dan Gangguan Siber (<i>Cyber-harassment</i>)	17
• Pornografi	19
• Bahan Penganiayaan Seksual Kanak-kanak	20
• Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI)	21
3.0 Perkara yang Perlu Diberi Perhatian	
• Tanda Amaran untuk Guru dan Ibu Bapa: Cara mengenal pasti jika kanak-kanak terjebak dalam talian	25
• Apa yang Perlu Dilakukan Apabila Masalah Berlaku?	26
4.0 Pengendalian Pendedahan	27
• Bercakap dengan Kanak-kanak	28
• Prosedur Pelaporan	29
A. Apabila Penderaan Berlaku dalam Talian	29
B. Apabila Penderaan dalam Talian Menjadi Penderaan Fizikal	31
5.0 Aktiviti	35
• Topik 1: Rakan-rakan Kita	36
• Topik 2: Pengantunan Kanak-kanak dalam Talian untuk Tujuan Seksual	39
• Topik 3: <i>Sexting</i> dan Pemerasan Seksual (<i>Sextortion</i>)	45
• Topik 4: Buli Siber dan Dedah Maya (<i>Doxxing</i>)	52
• Topik 5: Hendap Siber (<i>Cyber-stalking</i>) dan Gangguan Siber (<i>Cyber-harassment</i>)	57
• Topik 6: Pornografi	62
• Topik 7: Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI)	66
Lampiran	
1. Tanda Amaran: Panduan untuk Kanak-kanak Kekal Selamat dalam Talian	71
2. Undang-undang Berkaitan Keganasan Siber dan Jenayah Seksual Kanak-kanak	72
3. Maklumat Perhubungan Penting	81


1.0

Pengenalan tentang Penderaan Seksual Kanak-kanak* dalam Talian

Internet adalah medium yang amat berkesan untuk mendapatkan dan berkongsi maklumat, mempelajari perkara baharu serta menghubungkan individu dan kumpulan di seluruh dunia. Beratus-ratus juta orang menggunakannya pada setiap masa, termasuk kanak-kanak. Dianggarkan bahawa setakat Oktober 2025, terdapat 6.04 bilion pengguna internet aktif di seluruh dunia, iaitu 73% daripada populasi global. Daripada jumlah ini, 5.66 bilion orang (68%) ialah pengguna media sosial dan lebih daripada 90% mengakses internet melalui peranti mudah alih¹.

Salah satu penggunaan utama internet adalah untuk berinteraksi. Ruang siber telah menjadi tempat kanak-kanak bertemu, mencari rakan dan berkongsi kehidupan harian mereka dengan kawan-kawan. Kebanyakan mereka menggunakan peranti mudah alih (lazimnya telefon bimbit) untuk mengakses pelbagai aplikasi media sosial seperti *Snapchat, Instagram, Twitter, TikTok, Facebook, Reddit*, atau aplikasi pesanan antara rakan seperti *WeChat, WhatsApp, Telegram* dan lain-lain. Aplikasi baharu sentiasa dibangunkan, dan sebahagiannya akan digunakan oleh kanak-kanak.

Penggunaan media sosial atau aplikasi pesanan ringkas membantu kanak-kanak berhubung antara satu sama lain, berkongsi idea dan maklumat serta menyokong satu sama lain. Namun begitu, ibu bapa dan kanak-kanak perlu sedar bahawa penggunaan internet juga mempunyai risiko. Malangnya, terdapat individu dalam talian yang mencari peluang untuk mengeksploitasi orang lain, dan ruang siber boleh menjadi tempat yang berbahaya untuk kanak-kanak serta orang dewasa. Oleh itu, kanak-kanak perlu mampu membezakan antara interaksi yang sihat dan yang berbahaya untuk melindungi diri mereka sendiri.



*Di bawah undang-undang, kanak-kanak ditakrifkan sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun.

¹ Statista <https://www.statista.com/statistics/617136/digital-population-worldwide/>

Satu interaksi yang berbahaya ialah penderaan seksual kanak-kanak dalam talian. Penderaan seksual kanak-kanak secara dalam talian, yang juga dikenali sebagai “keganasan siber” atau “eksploitasi seksual dalam talian”, merupakan satu interaksi berbahaya yang berlaku dalam ruang digital (bukan secara fizikal) atau pada jarak jauh dan kadang kala dengan individu tanpa identiti yang jelas. Individu berbahaya akan cuba mendekati kanak-kanak bagi tujuan seksual dan menyasarkan laman media sosial yang popular dalam kalangan kanak-kanak. Kadang kala, mereka menyamar sebagai kanak-kanak.

Penderaan seksual dalam talian terdiri daripada aktiviti pengantunan (*grooming*), *sexting*, pemerasan seksual (*sextortion*), hendap siber, gangguan, buli dan dedah maya (*doxxing*). Pelaku (orang yang melakukan jenayah) mungkin terdiri daripada orang yang tidak dikenali atau seseorang yang dikenali oleh mangsa. Kadang kala, ia melibatkan lebih daripada seorang pelaku. Pelaku-pelaku ini, yang kebanyakannya terdiri daripada lelaki, pantas mengambil kesempatan daripada internet dan pelbagai platform dalam talian untuk mengeksploitasi serta memperdaya kanak-kanak. Mereka sering menggunakan taktik manipulasi dan boleh bertindak dengan sangat gigih dalam usaha mendapatkan kepercayaan mangsa. Dengan perkembangan dan penggunaan meluas aplikasi kecerdasan buatan (AI), satu ancaman baharu berkenaan eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian telah muncul, iaitu AI generatif (GenAI). GenAI boleh disalahgunakan untuk menghasilkan teks, imej dan video yang memaparkan atau memudahkan penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Sama seperti penderaan seksual fizikal, penderaan seksual dalam talian boleh mendatangkan mudarat secara emosi dan fizikal kepada kanak-kanak sepanjang hayat. Namun begitu, berbeza dengan penderaan fizikal, mangsa boleh mengalami penderaan seksual dalam talian berulang kali sekiranya gambar, video atau cerita mangsa disebarluaskan secara meluas melalui platform digital.

Penderaan seksual dalam talian boleh berlaku kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kajian mengenai buli siber terhadap kanak-kanak Malaysia menunjukkan bahawa seorang daripada tiga kanak-kanak pernah menjadi mangsa buli siber². Selain itu, 30% kanak-kanak perempuan melaporkan bahawa mereka pernah diganggu secara seksual ketika menggunakan ruang sembang (*chat room*)³. Mangsa penderaan seksual dalam talian sering berasa malu dan cuba menyembunyikan kejadian tersebut daripada orang lain, tetapi tindakan ini hanya memburukkan keadaan dan memanjangkan tempoh penderaan. Berdasarkan satu kajian, hanya separuh daripada kanak-kanak berumur 12 hingga 18 tahun yang menjadi mangsa buli siber memberitahu ibu bapa mereka dan mendapatkan bantuan⁴.

² Microsoft Corp. Global Youth Online Behavior Survey. <https://www.digitalnewsasia.com/testing123>

³ Azizan, 2012. <https://www.thestar.com.my/News/Nation/2012/04/29/Do-you-know-who-your-kids-are-talking-to/>

⁴ Telenor Group, 2016. <https://www.telenor.com/media/press-release/safe-internet-research-spotlights-student-experiences-with-cyber-bullying-and-online-peer-pressure?pdf=print>

Turut membimbangkan, dapatan menunjukkan seorang daripada lima remaja sekolah dilaporkan pernah terlibat dalam aktiviti buli siber (22.7% dalam kalangan lelaki dan 13.9% dalam kalangan perempuan).⁵

Walaupun kerajaan mengakui kewujudan masalah tersebut dan telah berusaha menggubal undang-undang untuk menanganinya, jumlah interaksi dalam talian yang begitu banyak telah merumitkan usaha penguatkuasaan. Oleh itu, langkah pencegahan perlu melibatkan guru dan ibu bapa serta menyediakan pendidikan yang bersesuaian untuk kanak-kanak. Seperti mana ibu bapa tidak membenarkan kanak-kanak mendekati orang yang tidak dikenali secara fizikal, pemantauan ibu bapa juga penting untuk mengetahui dengan siapa kanak-kanak berinteraksi ketika berada dalam talian.

Kesan Eksploitasi Seksual dalam Talian terhadap Kanak-kanak

Penderaan seksual dalam talian sama bahayanya dengan keganasan seksual yang berlaku secara luar talian atau fizikal. Penderaan seksual dalam talian memberi kesan negatif yang membinasakan kepada emosi dan psikologi kanak-kanak. Lazimnya, orang dewasa cenderung meremehkan kesan penderaan seksual dalam talian dan menganggap bahawa perkara tersebut bukan masalah yang besar kerana tidak melibatkan interaksi secara fizikal. Namun begitu, kanak-kanak yang terkesan berisiko mengalami keresahan (*anxiety*), kemurungan, gangguan pemakanan, simptom tekanan pasca trauma serta kesukaran membina hubungan yang sihat. Malah, sesetengah mangsa mungkin mempunyai keinginan membunuh diri dan ada yang bertindak melakukannya.



Penderaan dalam talian boleh menimbulkan kekeliruan kepada kanak-kanak. Mereka mungkin berasa bersalah kerana tidak dapat menghentikan penderaan tersebut dan menganggap bahawa mereka sendiri “telah melakukan penderaan ke atas diri sendiri”, contohnya apabila diminta untuk menanggalkan pakaian mereka atau melakukan perbuatan seksual terhadap diri sendiri. Salah satu perbezaan aspek penderaan seksual dalam talian daripada penderaan fizikal yang menjadikannya amat berbahaya ialah


⁵ Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 https://iku.gov.my/images/nhms-2022/1a_Infographic_AHS_BI_15062023.pdf

gambar atau video mangsa boleh dirakam, disimpan dan dikongsi. Jika gambar atau video ini tersebar secara meluas, kanak-kanak akan mengalami pemangsaan secara berulang. Mangsa akan berasa didera berkali-kali setiap kali individu lain memuat turun, melihat atau berkongsi gambar atau video tersebut. Secara tidak langsung, ingatan tentang pengalaman memalukan itu seolah-olah “diabadikan” dalam talian dan menjadi satu bentuk penderaan yang berpanjangan dan tidak berkesudahan. Oleh itu, usaha pemulihan bukan sahaja perlu tertumpu pada kesan trauma yang dialami mangsa, tetapi juga pada kesakitan akibat penyebaran bahan tersebut yang berterusan. Tanpa pendekatan yang menyeluruh, proses pemulihan mangsa tidak dapat disempurnakan sepenuhnya.⁶

Memahami Mengapa Kanak-kanak Terjebak dalam Talian

Kebanyakan kanak-kanak cenderung untuk meneroka dunia dan menjalin persahabatan. Dalam interaksi fizikal secara bersemuka, kanak-kanak dan ibu bapa mempunyai lebih banyak kawalan terhadap bagaimana sesuatu hubungan berkembang. Mereka boleh melihat dan berkomunikasi secara bersemuka dengan kenalan berkenaan dan menilai isyarat bukan lisan (*non-verbal cues*). Tambahan pula, identiti kenalan baharu selalunya tidak disembunyikan. Ibu bapa juga boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam mengawal dan melindungi anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan aspek keselamatan ini tidak tersedia apabila kanak-kanak menggunakan aplikasi dalam talian.

Dalam talian, sukar untuk membezakan sama ada seseorang itu benar-benar tidak berbahaya, rakan sebenar, atau individu yang ingin mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak. Selain itu, tetapan privasi aplikasi dalam talian boleh menghalang ibu bapa daripada memberikan sokongan kepada kanak-kanak mereka ketika mereka menghadapi kesukaran dalam menjalin hubungan. Oleh itu, kanak-kanak perlu dilatih dan digalakkan untuk mengenal pasti sama ada “rakan” dalam talian itu boleh dipercayai atau tidak. Malah, orang dewasa perlukan kebijaksanaan untuk membuat pertimbangan seperti itu, sebagaimana yang dapat kita lihat daripada kekerapan penipuan dalam talian yang berlaku.



⁶ Malin Joleby, Carolina Lunde, Linda Jonsson. *Understanding Online Child Sexual Abuse and How to Talk to Children about It*. The Inquisitive Mind. 2018 (38). <https://www.in-mind.org/article/understanding-online-child-sexual-abuse-and-how-to-talk-to-children-about-it>

Kadang kala, sukar bagi orang dewasa untuk memahami bagaimana dan mengapa kanak-kanak terjebak dalam hubungan dalam talian yang memudaratkan. Penting untuk sedar bahawa pelaku biasanya bertekad, gigih, dan licik dalam mendekati mangsa. Mereka akan menggunakan pelbagai strategi yang berbeza untuk menjerat kanak-kanak dan turut berkongsi kaedah yang berkesan dengan pelaku lain. Kita juga perlu menyedari bahawa kanak-kanak secara semula jadi mempunyai rasa ingin tahu tentang aspek seksualiti. Namun begitu, kita tidak mengajar isu ini dan tidak membincangkan secara terbuka dengan mereka. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak dieksploitasi oleh pelaku. Pelaku mengambil kesempatan atas rasa ingin tahu serta keinginan kanak-kanak untuk berhubung dengan orang lain bagi memerangkap mereka.

Salah satu kaedah yang sering digunakan oleh pelaku ialah meminta gambar tidak senonoh daripada kanak-kanak yang kemudiannya digunakan untuk mengugut atau menekan mereka dengan ancaman untuk menyebarkan kepada orang lain. Kanak-kanak kemudian terperangkap dalam "perangkap malu", iaitu keadaan apabila mereka berasa bertanggungjawab atas situasi tersebut serta takut untuk memberitahu orang lain kerana malu dan terjerumus lebih dalam ke dalam cengkaman pelaku. Jika kanak-kanak dibesarkan dalam persekitaran yang membolehkan mereka bercakap tentang perasaan bersalah dan malu, maka meminta bantuan adalah lebih mudah. Namun, jika sebaliknya berlaku, mereka menderita secara senyap.

Buku panduan keselamatan siber ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak membuat keputusan yang baik ketika berada dalam talian agar mereka dapat menggunakan internet dengan selamat. Buku ini menerangkan jenis-jenis penderaan seksual dalam talian yang lazim berlaku serta menawarkan cadangan untuk menanganinya. Ia boleh digunakan sebagai modul latihan untuk kanak-kanak di sekolah atau oleh ibu bapa di rumah.

Buku panduan ini meliputi bahagian-bahagian berikut:

- Jenis-jenis penderaan seksual dalam talian
- Perkara yang perlu diberi perhatian
- Pengendalian pendedahan
- Aktiviti untuk mendidik kanak-kanak tentang penderaan seksual dalam talian
- Senarai undang-undang berkaitan dan maklumat perhubungan penting

Ingatlah, hanya kerana kita tidak membincangkan isu-isu ini tidak bermakna ia tidak berlaku kepada kanak-kanak. Dengan mendidik mereka tentang penderaan dalam talian, kita dapat mengurangkan kerentanan mereka serta mencegah mereka daripada terdedah kepada penderaan seksual dalam talian.

2.0 Jenis-jenis Penderaan Seksual dalam Talian

Bahagian ini menerangkan jenis-jenis penderaan seksual dalam talian, istilah yang digunakan, cara pelaku memanipulasi mangsa, kesannya terhadap kanak-kanak serta peruntukan undang-undang berkaitan isu tersebut.

Pengantunan (*Grooming*) dalam Talian terhadap Kanak-kanak untuk Tujuan Seksual

Pengantunan (*grooming*) dalam talian terhadap kanak-kanak bertujuan untuk membina hubungan persahabatan bagi mendera mereka secara seksual. Pelaku kadang kala akan menyamar sebagai kanak-kanak dan menggunakan media sosial dengan tujuan menjalin hubungan dengan mangsa.

Setelah hubungan terjalin, pelaku akan mengajak kanak-kanak meluangkan masa bersama-sama mereka secara bersendirian dalam pelbagai aktiviti seksual seperti *sexting* (pesanan ringkas berunsur seksual), *sextortion* (ugutan untuk menyebarkan gambar atau video seksual), *live streaming* (siaran video secara langsung) kanak-kanak dalam keadaan bogel, atau mengatur pertemuan secara bersemuka untuk menyerang mereka secara seksual. Selain itu, pelaku mungkin turut berkongsi gambar atau video seksual yang eksplisit dengan pihak lain. Seiring dengan perkembangan penggunaan media sosial sejak sedekad lalu, kegiatan pengantunan dalam talian terhadap kanak-kanak untuk tujuan seksual semakin meningkat dan melibatkan mangsa kanak-kanak perempuan serta lelaki.

Contoh

Pengantunan merupakan teknik yang selalunya digunakan oleh pelaku dalam talian. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak mungkin didekati atau berkenalan dengan seseorang yang kelihatan baik melalui ruang sembang (*chat room*). Individu tersebut biasanya seorang pendengar yang baik, kelihatan memahami perasaan kesunyian mangsa, dan sentiasa memberikan penghargaan kepada mangsa. Secara beransur-ansur, kanak-kanak tersebut membina hubungan persahabatan yang rapat dengan individu itu sebelum akhirnya dieksploitasi.



Bagaimana Pelaku Pengantunan (*Groomer*) dalam Talian Beroperasi

1. *Groomer* menyasarkan media sosial yang sering digunakan oleh kanak-kanak. Mereka lazimnya menyasarkan kanak-kanak yang mencari perhatian atau kasih sayang, kurang diawasi oleh ibu bapa atau orang dewasa, serta yang menggunakan internet tanpa pengawasan.
2. Mereka mungkin berpura-pura menjadi individu lain dengan menggunakan identiti palsu.
3. Pada peringkat awal, pelaku biasanya kelihatan sangat baik dan prihatin. Oleh itu, kanak-kanak mengalu-alukan perhatian yang diberikan. Sebaik sahaja hubungan awal terjalin di media sosial atau forum, pelaku akan memindahkan perbualan ke ruangan yang lebih tertutup seperti aplikasi pesanan ringkas.
4. Pelaku memperoleh kepercayaan kanak-kanak dengan menunjukkan sikap yang menawan, memahami dan menjadi pendengar yang baik. Mereka mungkin berpura-pura mempunyai minat atau pengalaman hidup yang serupa. Pelaku sering memenuhi "keperluan" kanak-kanak untuk mendapat perhatian atau menjadi seseorang yang "memahami" mereka. Antara strategi *grooming* yang biasa digunakan termasuk memberikan perhatian dan pujian, menawarkan maklumat sulit, menghantar hadiah istimewa, serta menjanjikan "hubungan istimewa".
5. Secara beransur-ansur mereka akan cuba mendapatkan maklumat peribadi kanak-kanak seperti nama, alamat, nombor telefon bimbit, dan sebagainya.
6. *Groomer* akan cuba memperkenalkan lebih banyak unsur seksual dalam hubungan tersebut dan mengurangkan sensitiviti kanak-kanak terhadap gambar dan aktiviti seksual bagi mengawal mereka.
7. Lama-kelamaan, mereka menjadi semakin manipulatif dan mula meminta gambar atau video berunsur seksual.
8. Setelah pelaku memperoleh "kawalan" terhadap kanak-kanak, corak hubungan akan berubah kepada hubungan yang melibatkan ugutan, tuntutan dan penderaan.
9. Mereka mungkin membuat pertemuan melalui panggilan video dalam talian dan meminta kanak-kanak menanggalkan pakaian atau melakukan perlakuan seksual. Situasi ini lazimnya melibatkan unsur pemerasan atau *sextortion*.
10. Salah satu elemen utama dalam *grooming* ialah memastikan hubungan dalam talian dengan kanak-kanak kekal rahsia. Pelaku akan melakukan pemerasan emosi terhadap kanak-kanak bagi memastikan mereka terus berdiam diri dan merahsiakan penderaan tersebut.
11. Sesetengah pelaku akan meminta perjumpaan secara bersemuka yang boleh membawa kepada penderaan seksual fizikal.
12. Perlu diingatkan bahawa pelaku boleh bertindak secara bersendirian atau menjadi sebahagian daripada kumpulan tertentu.

Kesan

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang diantun dan kemudiannya didera secara seksual dalam talian mengalami kesan yang sama seperti mangsa penderaan seksual secara fizikal. Kanak-kanak tersebut lazimnya akan berasa malu terhadap apa yang telah berlaku serta menyalahkan diri sendiri kerana membiarkan perkara itu terjadi. Ramai dalam kalangan mereka mengalami kemurungan jangka panjang dan ada yang mungkin cuba mencederakan diri. Salah satu kesan jangka panjang yang utama ialah ketidakupayaan atau kesukaran untuk membina kepercayaan dalam hubungan dengan orang lain, khususnya jika ahli keluarga bersikap tidak responsif atau tidak memberi sokongan setelah mengetahui tentang kejadian penderaan tersebut.

Undang-undang yang Berkaitan

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017



Pengantunan kanak-kanak (Seksyen 12)

Seksyen 12 melarang pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) seperti penggunaan media sosial untuk berkawan dengan kanak-kanak bagi tujuan menghasilkan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak atau melakukan suatu kesalahan seksual. Adalah menjadi suatu kesalahan undang-undang bagi mana-mana orang yang berkomunikasi dengan kanak-kanak melalui apa-apa cara dengan niat untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, walaupun kanak-kanak dengan individu tersebut tidak pernah berjumpa secara fizikal. Apabila disabitkan kesalahan, individu tersebut boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh dikenakan hukuman sebat.

Berjumpa selepas pengantunan kanak-kanak (Seksyen 13)

Seksyen 13 memperuntukkan hukuman yang lebih berat sekiranya berlaku sebarang perjumpaan dengan kanak-kanak selepas proses pengantunan dilakukan. Mana-mana orang yang, setelah berkomunikasi dengan kanak-kanak melalui apa-apa cara, berjumpa dengan kanak-kanak tersebut dengan niat melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebat.

Sexting dan Pemerasan Seksual (Sextortion)

Sexting merupakan gabungan perkataan “sex” dan “texting”. *Sexting* merujuk kepada penghantaran imej atau video berunsur seksual secara sengaja dengan atau tanpa mesej melalui penggunaan peranti mudah alih atau komputer melalui internet atau aplikasi pesanan. Kandungan ini mungkin imej seksual diri mereka yang “dihasilkan sendiri” atau melibatkan imej seksual orang lain. Bahan tersebut kemudiannya sering dikongsi dalam kalangan rakan sebaya mereka.

Perkongsian bahan seksual yang dihasilkan sendiri tanpa kebenaran⁷ juga merupakan satu bentuk *sexting*. Dalam situasi ini, seseorang mungkin berkongsi imej seksual secara sukarela dengan seorang rakan, namun kepercayaan tersebut dikhianati apabila imej itu disebarluaskan kepada orang lain tanpa kebenaran.

Pemerasan seksual (sextortion) pula merupakan gabungan perkataan “sex” dan “extortion”. Ia merujuk kepada satu bentuk pemerasan dalam talian apabila maklumat, imej atau video seksual digunakan untuk memaksa kanak-kanak melakukan perlakuan seksual untuk pelaku yang mana perbuatan itu tergolong sebagai penderaan seksual. Perbuatan tersebut kerap kali disiarkan secara langsung (*live streaming*) melalui peranti digital atau internet untuk ditonton oleh pihak lain dari jarak jauh. Seperti semua bentuk pemerasan, pelaku sering meningkatkan tuntutan mereka terhadap mangsa dari semasa ke semasa. Situasi ini boleh berkembang dengan pertemuan secara fizikal dan penderaan seksual secara fizikal. Kadang kala, pelaku juga menggunakan *sextortion* untuk mendapatkan keuntungan peribadi atau kewangan.



⁷ UNICEF. What Works to Prevent Online and Offline Child Sexual Exploitation and Abuse? Review of national education strategies in East Asia and the Pacific 2020.

Contoh

Seperti yang diterangkan sebelum ini, terdapat pelbagai bentuk penderaan seksual dalam talian. Antara bentuk yang paling lazim berlaku, ialah apabila seorang kanak-kanak perempuan atau lelaki berumur antara 12 hingga 14 tahun menjalin persahabatan dalam talian dengan individu yang dianggap sebaya dengan mereka. Apabila hubungan tersebut menjadi semakin rapat, pelaku dewasa yang menyamar sebagai remaja akan meminta gambar bogel atau separa bogel sebagai “tanda cinta” atau menghantar gambar mereka sendiri untuk mendapatkan gambar balasan. Setelah kanak-kanak menghantar gambar bogel tersebut, keseluruhan hubungan akan berubah dan *sextortion* mula berlaku. Permintaan terhadap mangsa akan menjadi semakin banyak dan boleh membawa kepada rogol atau penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Satu lagi situasi yang sering berlaku ialah apabila gambar berunsur seksual diambil sebagai tanda keintiman antara rakan rapat, contohnya, mengambil swafoto bogel bersama-sama, namun akhirnya berlaku pengkhianatan. Individu yang dipercayai itu, berkongsi gambar bogel tersebut melalui aplikasi pesanan atau platform dalam talian. Dalam keadaan seperti ini, mungkin berlaku *sextortion* atau sebaliknya kerana pelaku terdiri daripada rakan sebaya mangsa.

Motivasi untuk Berkongsi Gambar Bogel

Sebab-sebab kanak-kanak berkongsi gambar-gambar bogel diri mereka tidak mudah difahami. Sesetengah daripada mereka mungkin tertarik kepada individu yang berkenaan dan ingin berkongsi gambar tersebut sebagai sebahagian daripada proses mengeratkan hubungan atau sebagai respons terhadap komen-komen positif yang diterima. Terdapat juga kanak-kanak yang berasa tertekan oleh pengaruh rakan sebaya atau berasa terpaksa untuk mengekalkan hubungan tersebut. Kadang kala, perasaan ingin mencuba dan keterujaan untuk melakukan sesuatu yang “berbahaya” mendorong mereka melakukan tingkah laku yang berisiko.

Akhirnya, terdapat pelaku dewasa atau sindiket yang sering menyamar sebagai individu lain, melakukan pengantunan seksual terhadap kanak-kanak, dan kemudian meminta gambar berunsur seksual sebagai sebahagian daripada hubungan tersebut. Setelah satu gambar diberikan, pelaku boleh mula menggunakan *sextortion* untuk memeras dan mengawal mangsa sepenuhnya.

Kesan

Sexting boleh mengakibatkan kesan yang amat serius terhadap kanak-kanak. Mereka mungkin mengalami penghinaan dan rasa malu apabila gambar tersebut dikongsi, terutamanya dalam kalangan rakan sebaya. Sesetengah rakan sebaya mungkin akan mengganggu dan membuli mangsa secara fizikal atau dalam talian. Keadaan ini boleh menyebabkan mangsa berasa reputasi mereka telah terjejas dan tidak dapat dipulihkan. Akibatnya, sesetengah mangsa mungkin bertindak mencederakan diri sendiri atau mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

Undang-undang yang Berkaitan

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017



Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak (Seksyen 11)

Seksyen 11 melarang sebarang bentuk komunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, kecuali untuk tujuan pendidikan, sains atau perubatan. Mana-mana individu yang didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun.

Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak (Seksyen 15)

Seksyen 15 melarang mana-mana orang daripada:

- Mendedahkan seseorang kanak-kanak kepada perkataan, bunyi, gerak isyarat, objek atau bahagian badan yang bersifat seksual.
- Membuatkan seseorang kanak-kanak menunjukkan badan kanak-kanak itu bagi tujuan seksual.
- Mengikuti, memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak secara berulang kali atau kerap bagi tujuan seksual.
- Melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak atau menyebabkan seseorang kanak-kanak melihat, mendengar atau terdedah kepada perbuatan atau bahan berunsur seksual dalam apa jua bentuk atau medium.
- Membuatkan seseorang kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti yang bersifat seksual.

Mana-mana individu yang didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun, didenda tidak melebihi RM20,000, atau kedua-duanya.

Persembahan seksual oleh kanak-kanak (Seksyen 15A)

Seksyen 15A melarang sebarang penglibatan dengan kanak-kanak dalam persembahan seksual, termasuk:

- Menawarkan, memperoleh, atau menjadikan tersedia seseorang kanak-kanak untuk suatu persembahan seksual.
- Membuatkan atau menyebabkan seseorang kanak-kanak terlibat dalam persembahan seksual.
- Turut serta atau menonton persembahan seksual oleh seseorang kanak-kanak.
- Mengiklankan, mempromosikan atau memudahkan persembahan seksual oleh seseorang kanak-kanak.
- Menerima apa-apa manfaat, termasuk manfaat kewangan, daripada persembahan seksual oleh seseorang kanak-kanak.

Sesiapa yang didapati bersalah boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak melebihi RM50,000.

Pemerasan seksual kanak-kanak (Seksyen 15B)

Seksyen 15B melarang mana-mana orang daripada:


- Mengugut seseorang kanak-kanak untuk melakukan aktiviti yang bersifat seksual.
- Mengugut seseorang kanak-kanak untuk berkongsi imej, rakaman, atau gambaran seksual diri mereka, termasuk alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubik atau dubur, dengan apa-apa cara.
- Mengugut untuk mengedarkan imej, rakaman atau gambaran seksual kanak-kanak.

Sesiapa yang didapati bersalah boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun.

Kanun Kesseksaan

Melanggar kesopanan (Seksyen 377D)

Seksyen 377D melarang mana-mana orang daripada melakukan sebarang perbuatan kelucahan melampau terhadap orang lain di tempat awam atau di tempat persendirian. Individu yang didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tempoh sehingga 2 tahun.



Merangsang kanak-kanak untuk melakukan suatu perbuatan kelucahan melampau (Seksyen 377E)

Seksyen 377E melarang mana-mana orang daripada merangsang seseorang kanak-kanak di bawah umur 14 tahun untuk melakukan perbuatan kelucahan melampau dengan dirinya atau orang lain. Mana-mana individu yang didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak melebihi 15 tahun, serta dikenakan hukuman sebat.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Larangan terhadap pemberian kandungan jelik (Seksyen 211)

Seksyen 211 melarang pemberi perkhidmatan atau mana-mana individu daripada menggunakan perkhidmatan komunikasi bagi memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu atau jelik melampau dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut, atau mengganggu mana-mana orang. Mana-mana individu yang didapati bersalah boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun, atau didenda tidak melebihi RM 1 juta, atau kedua-duanya. Individu tersebut juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM100,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Buli Siber dan Dedah Maya (*Doxxing*)

Buli siber ialah perbuatan membuli melalui penggunaan teknologi, seperti internet atau telefon bimbit dengan tujuan menyakiti, mengganggu, mengancam atau memalukan seseorang. Kira-kira 50% kes buli siber ini dilakukan oleh individu yang dikenali oleh kanak-kanak, seperti rakan sekelas. Kebiasaannya, tingkah laku tersebut berlaku secara berulang dan menyebabkan kanak-kanak mengalami kemarahan, rasa rendah diri, kegelisahan dan kemurungan.

Dedah maya (*Doxxing*) berasal daripada perkataan “docs”, iaitu singkatan kepada “documents” atau dokumen. Istilah ini merujuk kepada tindakan mengumpul dan berkongsi atau “menerbitkan” maklumat peribadi seseorang tanpa kebenaran dengan tujuan mendedahkan identiti individu tersebut kepada orang lain agar lebih ramai individu melakukan buli siber atau gangguan siber (*cyber-harassment*) terhadap mangsa.

Contoh

Buli siber merupakan masalah yang lazim dan semakin berkembang yang dialami oleh ramai kanak-kanak pada tahap yang berbeza. Contoh yang biasa berlaku ialah apabila seseorang cemburu terhadap individu lain, selalunya rakan sebaya, lalu menyebarkan maklumat palsu tentang mangsa secara dalam talian, kebiasaannya secara tanpa nama. Situasi ini menyebabkan penyebaran maklumat palsu bertambah teruk apabila orang lain turut menyertainya. Semakin mangsa cuba menghentikannya, semakin meluas penyebaran mesej palsu tersebut (fenomena ini dikenali sebagai “kesan Streisand”).

Contoh-contoh buli siber termasuk:

- Menerima mesej yang kejam, menyakiti atau berunsur ugutan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Snapchat dan lain-lain, serta melalui aplikasi pesanan seperti WhatsApp dan Telegram.
- Menyebarkan fitnah atau berita palsu tentang kanak-kanak melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Snapchat dan lain-lain, atau aplikasi pesanan seperti WhatsApp dan Telegram.
- *Flaming*, iaitu perbuatan menyiarkan komen yang bermusuhan atau menghina di media sosial bagi menyakiti perasaan kanak-kanak atau mencetuskan reaksi lanjut daripada mereka.
- *Trolling* ialah perbuatan menyiarkan mesej yang kejam, menyakiti hati atau menghina secara dalam talian dengan tujuan menyinggung perasaan mangsa. Perbuatan ini juga boleh mendorong orang lain untuk turut serta dalam tingkah laku buli terhadap mangsa.
- Menghantar gambar atau video kanak-kanak kepada orang lain tanpa kebenaran dengan tujuan memalukan, menyakiti atau mempersenda paras rupa fizikal (*body shame*) mereka, termasuk menyunting imej bagi tujuan memalukan mangsa, contohnya melalui komen atau suntingan berunsur seksual.

- Menyisihkan kanak-kanak daripada kumpulan sembang atau mengehadkan penyertaannya dalam perbualan dalam talian atau ruangan komen pada sesuatu hantaran (*posting*).
- Penyamaran dalam talian (*online impersonation*) merupakan perbuatan mewujudkan profil palsu dengan menyamar sebagai kanak-kanak atau menggunakan akaun mereka untuk menghantar mesej, membuat hantaran atau mengemas kini status tanpa kebenaran mereka.
- Perampasan akaun (*account hijacking*) ialah perbuatan menggodam akaun media sosial atau profil dalam talian milik kanak-kanak untuk mengubah maklumat peribadi mereka atau mengambil alih kawalan terhadap akaun tersebut.

Motivasi untuk Buli Siber

Terdapat pelbagai sebab mengapa sesetengah individu terlibat dalam buli siber. Ada yang melakukannya untuk membalas dendam, manakala ada yang berasa seronok apabila melihat orang lain menderita. Selain itu, terdapat juga individu yang berasa bosan atau tidak berpuas hati lalu menggunakan buli siber sebagai saluran untuk melepaskan perasaan tersebut. Sesetengah pembuli siber pula mungkin pernah mengalami penderaan di rumah dan meluahkan kemarahan mereka terhadap orang lain. Oleh itu, penting untuk diingat bahawa kanak-kanak yang menjadi pembuli siber juga memerlukan bantuan.

Kesan

Berbeza dengan buli fizikal di mana kanak-kanak biasanya mengetahui identiti pembuli mereka, dalam kes buli siber, pelaku sering bertindak secara tanpa nama. Keadaan ini menyebabkan mangsa menjadi curiga terhadap orang lain dan mengasingkan diri daripada rakan sebaya kerana mereka tidak tahu siapa yang boleh dipercayai. Selain itu, buli siber mempunyai potensi untuk tersebar kepada khalayak yang lebih luas dan meninggalkan rekod kekal dalam talian. Situasi ini boleh memberikan kesan yang lebih serius dan berpanjangan terhadap mangsa, malah kadang kala berlaku secara berulang. Kanak-kanak yang menjadi mangsa buli siber sering berasa takut, malu, dihina, ditekan, dan gelisah. Mereka juga mungkin mengalami penurunan prestasi akademik, terlalu memikirkan tentang buli yang dialami, mengasingkan diri dari pergaulan sosial, mula ponteng sekolah dan mengalami kemurungan. Mangsa sering berasa tidak berdaya serta merasakan bahawa keadaan tersebut tidak dapat dibaiki. Sesetengah mangsa mungkin bertindak mencederakan diri sendiri atau mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

Undang-undang yang Berkaitan



Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian (Seksyen 233)

Seksyen 233 melarang penyalahgunaan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian. Seseorang melakukan kesalahan jika menggunakan mana-mana kemudahan komunikasi atau perkhidmatan rangkaian untuk menghantar mesej yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut, mengganggu atau memperdaya orang lain, atau menghantar mesej sedemikian secara berulang kali.

Hukuman:

- Kesalahan am: Penjara sehingga 2 tahun atau denda sehingga RM500,000. Denda tambahan sebanyak RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
- Kesalahan terhadap kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun): Penjara sehingga 5 tahun atau denda sehingga RM500,000 atau kedua-duanya. Denda tambahan sebanyak RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
- Komunikasi lucah bagi tujuan komersial: Penjara sehingga 5 tahun atau denda sehingga RM1 juta atau kedua-duanya. Denda tambahan sebanyak RM10,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Hendap Siber (Cyber-stalking) dan Gangguan Siber (Cyber-harassment)

Hendap siber merujuk kepada penggunaan komunikasi elektronik secara berulang melalui internet untuk menghendap seseorang kanak-kanak bagi mengganggu atau mengugutnya. Aktiviti ini juga boleh menyasarkan kelompok masyarakat yang lain. Dalam kes gangguan siber, kanak-kanak tersebut menerima mesej yang tidak diingini serta berunsur negatif secara berulang dan kerap.



Contoh

Kebanyakan individu mungkin menerima komen negatif di media sosial namun keadaan tersebut tidak semestinya dianggap gangguan siber. Gangguan siber berlaku apabila mesej negatif diterima secara berulang sepanjang masa sehingga menyebabkan seseorang berasa terancam atau terganggu. Gangguan siber juga boleh berlaku dalam bentuk “serangan teks” iaitu apabila sekumpulan individu menghantar ratusan atau ribuan mesej untuk membuli seorang kanak-kanak.

Hendap siber tidak semestinya melibatkan komunikasi secara langsung dengan mangsa. Seorang penghendap siber (*cyber-stalker*) boleh mengikuti dan memerhati aktiviti seseorang kanak-kanak dalam talian untuk tempoh tertentu tanpa disedari oleh mangsa. Penghendap siber mungkin hanya mula bertindak atau berinteraksi dengan mangsa setelah memperoleh maklumat yang diperlukan, seperti butiran peribadi atau maklumat akaun. Hendap dalam talian boleh berlanjutan kepada hendap luar talian dan seterusnya penderaan seksual secara fizikal.

Nota: Penghendap siber sering menggunakan identiti palsu dalam talian.

Motivasi untuk Hendap Siber dan Gangguan Siber

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang individu atau sekumpulan individu melakukan aktiviti ini. Sesetengah penghendap siber mengenali mangsa mereka dan didorong oleh kemarahan, sakit hati kerana merasakan diri mereka pernah ditolak pada masa lalu, keinginan untuk mengawal mangsa atau dorongan seksual. Terdapat juga yang mempunyai motif kewangan untuk memeras ugut seseorang atau mencuri identiti mangsa.

Kesan

Kanak-kanak yang menjadi mangsa hendap siber mungkin mengalami kesan psikososial yang serius seperti ketakutan, kemarahan dan kemurungan. Apabila situasi ini berterusan dan kelihatan seperti tidak dapat dihentikan, sesetengah kanak-kanak berasa terperangkap, mempunyai pemikiran untuk membunuh diri serta menghadapi isolasi sosial dan kegelisahan yang semakin serius. Sebahagian daripada mereka mungkin juga mengalami Gangguan Stres Pasca Trauma (*Post-Traumatic Stress Disorder* atau *PTSD*) dalam jangka panjang.

Undang-undang yang Berkaitan



Kanun Keseksaan

Ugutan jenayah (Seksyen 503, 506 dan 507)

Seksyen 503, 506, dan 507 memperuntukkan bahawa ancaman terhadap orang lain dengan apa-apa kecederaan, reputasi, atau harta benda orang tersebut dengan niat menimbulkan kebimbangan orang tersebut, termasuk melalui komunikasi tanpa nama, dianggap sebagai ugutan jenayah. Individu yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara selama sehingga 2 tahun, atau didenda, atau kedua-duanya. Jika ugutan dilakukan melalui komunikasi tanpa nama, hukuman tambahan sehingga 2 tahun boleh dikenakan selain hukuman yang telah diperuntukkan.

Menghendap (Seksyen 507A)


Seksyen 507A memperuntukkan perbuatan menghendap, termasuk hendap siber sebagai jenayah. Seksyen ini melarang seseorang daripada berulang kali mengganggu seseorang (sekurang-kurangnya dua kali) dengan niat, atau mengetahui bahawa perbuatannya mungkin, akan menyebabkan tekanan, ketakutan, atau kebimbangan terhadap keselamatan orang itu. Gangguan boleh termasuk mengekori atau menjejaki seseorang, berkomunikasi atau cuba berkomunikasi melalui apa jua cara, berkeliaran berhampiran rumah atau tempat kerja mereka, atau menghantar atau memberi apa-apa barangan kepada orang itu. Setelah disabitkan kesalahan, seseorang boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Gangguan, ugutan, dan penyalahgunaan maklumat identiti (Seksyen 507B-507G)

Seksyen 507B-507G menghukum pelbagai bentuk gangguan, ugutan, menghendap, hendap siber, dan penyalahgunaan maklumat identiti, termasuk kelakuan yang dilakukan dalam talian. Peruntukan ini melarang penggunaan kata-kata, komunikasi, atau perbuatan yang bersifat ugutan, kesat atau menghina yang menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan gangguan, tekanan, ketakutan atau kebimbangan kepada seseorang. Peruntukan ini juga meliputi perbuatan yang membuat seseorang percaya bahawa bahaya akan berlaku terhadap dirinya, mendorong seseorang untuk mencederakan diri sendiri atau memudahkan berlakunya kecederaan terhadap seseorang. Peruntukan ini juga menjadikan penerbitan atau pengedaran maklumat identiti (*doxxing*) seseorang untuk mengganggu, mengugut, menakut-nakutkan atau membahayakan seseorang atau mana-mana orang yang berkaitan dengannya sebagai jenayah. Hukuman yang boleh dikenakan berbeza-beza bergantung pada jenis kesalahan dan merangkumi denda dan penjara sehingga 1-3 tahun. Bagi kesalahan yang melibatkan keadaan yang lebih serius (seperti yang melibatkan bunuh diri atau kecederaan serius), hukuman yang lebih berat boleh dikenakan, termasuk 10 tahun penjara.

Pornografi

Pornografi (juga dikenali sebagai “porno”) merujuk kepada gambaran atau paparan kandungan seksual secara eksplisit sama ada dalam bentuk gambar, video atau tulisan dengan tujuan memberikan rangsangan seksual dan kepuasan diri sendiri atau orang lain. Kanak-kanak mungkin terdedah kepada pornografi secara tidak sengaja ketika melayari internet atau secara sengaja kerana rasa ingin tahu serta peningkatan keinginan seksual semasa akil baligh. Iklan *pop-up* merupakan antara sumber biasa gambar seksual. Dianggarkan 10-20% daripada semua carian dalam talian adalah untuk pornografi. Sesetengah bahagian pornografi mungkin menormalisasikan keganasan terhadap wanita. Pornografi dicari dan ditonton terutamanya oleh lelaki dan kanak-kanak lelaki.



Contoh

Kebanyakan kanak-kanak terdedah kepada pornografi secara tidak sengaja ketika melayari internet atau apabila rakan berkongsi imej atau bercakap tentang pornografi. Kebanyakan kanak-kanak pernah terdedah kepada bahan pornografi sebelum mencapai usia 12 tahun. Namun, mereka jarang memberitahu ibu bapa mereka tentang pornografi dalam talian kerana mereka bimbang akan dimarahi atau akses internet akan disekat.

Kesan

Pendedahan awal kepada pornografi boleh mewujudkan pemahaman yang salah tentang seksualiti, hubungan dan perbuatan seks dalam kalangan kanak-kanak. Pornografi mengutamakan kepuasan seksual dan mengurangkan penekanan terhadap aspek hubungan emosi yang sihat. Hal ini boleh menyebabkan kanak-kanak menganggap bahawa hubungan intim dan seks adalah perkara yang sama. Selain itu, kandungan pornografi boleh membentuk jangkaan yang tidak realistik tentang seks, mewujudkan persepsi negatif terhadap imej tubuh dan fungsi seksual, serta mempengaruhi perkembangan hubungan intim secara tidak sihat.

Selain itu, pendedahan berterusan terhadap pornografi boleh meningkatkan keinginan untuk melihat lebih banyak imej seksual yang eksplisit serta meningkatkan risiko ketagihan pornografi. Ketagihan ini berkait rapat dengan mekanisme ganjaran otak yang melibatkan bahan pembawa isyarat antara sel saraf (*neurotransmitter*) yang dikenali sebagai dopamin. Peningkatan tahap dopamin secara berulang akibat daripada pendedahan kepada pornografi boleh mendorong keinginan berterusan sehingga otak mendambakan kesan yang sama berulang kali. Ketagihan terhadap pornografi juga boleh mendorong pengalaman seksual pada usia yang lebih awal dan meningkatkan risiko kehamilan tidak dirancang.

Bahan Penganiayaan Seksual Kanak-kanak

Aspek pornografi yang paling memudaratkan dan menyalahi undang-undang ialah penghasilan serta penyebaran bahan penganiayaan seksual kanak-kanak. Kanak-kanak dieksploitasi dalam penghasilan bahan berunsur seksual melalui pelbagai cara. Bentuk yang paling lazim ialah apabila pelaku mengambil gambar atau video kanak-kanak dan berkongsinya secara dalam talian.

Terdapat juga unsur komersial yang besar dalam kegiatan ini. Kanak-kanak di negara dan komuniti yang miskin sering menjadi sasaran untuk terlibat dalam penghasilan gambar atau video berunsur seksual, termasuk perlakuan seksual dengan orang dewasa, sebagai balasan kepada wang. Terdapat permintaan yang tinggi dalam talian terhadap imej dan video yang memaparkan penderaan seksual kanak-kanak. Sebahagian besar bahan ini diedarkan melalui rangkaian internet tersembunyi yang dikenali sebagai *dark web*. Sesetengah pihak mengeksploitasi keluarga yang hidup dalam kemiskinan dengan menggunakan aplikasi panggilan video dalam talian untuk menyiarkan secara langsung bahan penganiayaan seksual kanak-kanak. Selain itu, semakin banyak kes melibatkan kanak-kanak yang menghadapi kesukaran kewangan berkongsi atau menjual imej dan video eksploitasi seksual mereka sendiri untuk mendapatkan wang.

Pada masa yang sama, terdapat peningkatan penggunaan rangkaian antara rakan sebaya melalui aplikasi mudah alih untuk berkongsi bahan berunsur seksual. Fenomena ini juga berlaku dalam kalangan remaja. Perkongsian tersebut mungkin melibatkan gambar atau video rakan yang pada asalnya dikongsi secara sukarela. Perlu diingat bahawa individu yang mengantun kanak-kanak bagi tujuan seksual mungkin menggunakan bahan pornografi sebagai sebahagian daripada taktik mereka.

Kecerdasan Buatan Generatif⁸ (GenAI)

Kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* atau AI) telah menjadi semakin meluas di seluruh dunia sejak kebelakangan ini, dengan banyak alat kini boleh diakses secara bebas. Kebanyakan masyarakat kini bergantung pada AI, sama ada untuk meringkaskan dokumen, menulis artikel, membuat kerja rumah sekolah atau menghasilkan imej. Kualiti perisian imej dan video AI juga telah berkembang secara mendadak. Pada masa ini, imej dan video boleh dihasilkan dengan kualiti fotorealistik. Kecerdasan buatan generatif (GenAI) kini digunakan dalam eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam pelbagai cara yang diuraikan di bawah.

Contoh

Manipulasi imej, audio dan video: Fail media yang dijana atau diubah suai oleh AI, termasuk bahan imej, audio dan video, dikenali sebagai *deepfake*. Alat AI (seperti aplikasi 'nudify') mengambil gambar asal kanak-kanak dan mengubahnya secara digital agar kelihatan bogel atau terlibat dalam perbuatan seksual. Pelaku juga boleh menggunakan perisian AI untuk mencipta bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (*child sexual abuse material* atau CSAM) yang baharu dan hiper-realistik yang tidak melibatkan kanak-kanak sebenar. Kandungan ini boleh dihasilkan dengan sangat cepat dan pada skala yang sangat besar.

Pemangsaaan semula (*revictimisation*): Pelaku boleh mengambil CSAM sedia ada dan menggunakan AI untuk mengubah suainya, lalu mencipta versi baharu bahan penganiayaan seksual kanak-kanak yang melibatkan mangsa yang sama, sekali gus menganiayai mereka lagi.

Peningkatan pengantunan seksual dalam talian: Teknologi seperti pemalsuan wajah (*deepfake*), pengklonan suara dan alat berasaskan AI telah membantu pelaku mencipta identiti kanak-kanak palsu yang memudahkan pengantunan dalam talian.

GenAI juga telah meningkatkan skop dan impak buli siber. Malangnya, kanak-kanak sendiri semakin terlibat sebagai pencipta CSAM yang dijana AI, yang boleh memberi kesan yang dahsyat terhadap rakan sebaya mereka. Terdapat juga peningkatan laporan tentang orang muda yang memutuskan untuk menjalin hubungan dengan individu yang dijana AI atau aplikasi AI. Fenomena ini berpotensi untuk merosakkan hubungan sesama manusia.

⁸ Resource: *Generative AI: A New Threat for Online Child Sexual Exploitation and Abuse*. Bracket Foundation in cooperation with the Centre for Artificial Intelligence and Robotics at the United Nations Interregional Crime and Justice Research Institute (UNICRI). <https://unicri.org/sites/default/files/2024-09/Generative-AI-New-Threat-Online-Child-Abuse.pdf>.

Ancaman GenAI dalam eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian menjadi kebimbangan utama berbanding isu-isu lain. Akses yang meluas kepada alat berasaskan AI merendahkan halangan bagi pelaku dan meningkatkan jumlah CSAM dalam talian secara mendadak.

Kesan

Walaupun bahan yang dihasilkan oleh AI sering kali bersifat tiruan, bahaya yang ditimbulkannya adalah sangat nyata. Kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan, yang rupa mereka digunakan dalam CSAM yang dihasilkan oleh AI, mengalami kesan emosi yang serius, kerosakan pada kedudukan mereka dalam masyarakat, ketidakupayaan untuk menghadiri sekolah dan pengasingan sosial. Kekurangan langkah yang mencukupi untuk menghentikan dan menghapuskan *deepfake* eksplisit dalam talian telah menyebabkan sesetengah remaja mencederakan diri sendiri. Di samping itu, penghasilan dan pengedaran besar-besaran CSAM yang dihasilkan oleh AI berisiko menormalisasikan tingkah laku penderaan seksual kanak-kanak dan sikap yang mudah menerima seksualisasi kanak-kanak.

Undang-undang yang Berkaitan

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017



Kesalahan berkaitan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak (Seksyen 4 hingga 10)

Seksyen 4 hingga 10 dengan tegas melarang penghasilan, pengedaran dan tontonan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak. Bahan penganiayaan seksual kanak-kanak ditakrifkan sebagai merangkumi semua bentuk bahan visual, audio, bertulis atau gabungan mana-mana medium yang melibatkan seseorang kanak-kanak atau imej seseorang kanak-kanak yang terlibat dalam perlakuan seksual secara eksplisit.

Seseorang melakukan kesalahan apabila:

- Membuat, menghasilkan, mengarahkan atau mengambil bahagian dalam apa jua bentuk bahan penganiayaan seksual kanak-kanak;
- Membuat sebarang persediaan untuk menghasilkan atau mengarahkan penghasilan apa-apa bahan penganiayaan seksual kanak-kanak;
- Menggunakan kanak-kanak dalam penghasilan atau pembuatan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak;
- Bertukar-tukar, menerbitkan, dan sebagainya, sebarang bahan penganiayaan seksual kanak-kanak;
- Menjual, mengedarkan atau mengiklankan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak kepada kanak-kanak;
- Mengakses, memiliki atau mengawal sebarang bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Jika disabitkan kesalahan, seseorang boleh dikenakan denda, hukuman penjara dan sebatan bergantung pada jenis kesalahan yang dilakukan.

Kanun Keseksaan

Larangan menjual, dsb., bahan lucah (Seksyen 292)

Seksyen 292 melarang mana-mana individu daripada menjual, mengedarkan, menghasilkan atau memiliki sebarang bentuk bahan lucah. Jika disabit kesalahan, individu tersebut boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun, atau didenda, atau kedua-duanya.

Larangan menjual, dsb., bahan lucah kepada orang muda (Seksyen 293)

Seksyen 293 melarang mana-mana individu daripada menjual, menyebarkan atau mengedarkan bahan lucah kepada individu di bawah umur 20 tahun. Jika disabit kesalahan, individu tersebut boleh dihukum penjara sehingga lima tahun, atau didenda, atau kedua-duanya.

Larangan perbuatan atau lagu lucah (Seksyen 294)

Seseorang melakukan kesalahan di bawah seksyen 294 jika melakukan perbuatan lucah di tempat awam, atau menyanyi, mencerita atau menyebut lagu serta perkataan lucah sehingga mengganggu orang lain. Jika disabitkan kesalahan, individu tersebut boleh dihukum penjara sehingga tiga bulan, atau denda, atau kedua-duanya.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian (Seksyen 233)

Seksyen 233 melarang penyalahgunaan kemudahan rangkaian untuk menghantar kandungan “lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau”. Ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap individu atau platform yang menyebarkan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak digital.

Akta Keselamatan dalam Talian 2025

Akta Keselamatan dalam Talian 2025 bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan keselamatan dalam talian di Malaysia dengan mengawal selia kandungan memudaratkan dan memperuntukkan kewajipan dan obligasi ke atas pemberi perkhidmatan aplikasi (*Application Service Provider* atau ASP), pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan (*Content Application Service Provider* atau CASP) dan pemberi perkhidmatan rangkaian.

Akta ini mentakrifkan beberapa kategori kandungan memudaratkan, termasuk kandungan mengenai bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, fraud kewangan dan kandungan yang boleh menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan, menghasut keganasan atau terorisme atau boleh mendorong kanak-kanak untuk menyebabkan kemudaratkan kepada dirinya. Daripada kesemua ini, kandungan mengenai bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dan fraud kewangan ditakrifkan sebagai kandungan memudaratkan prioriti.

Akta ini juga mengenakan beberapa kewajipan ke atas ASP dan CASP, termasuk kewajipan untuk melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko pendedahan pengguna kepada kandungan memudaratkan, menyediakan mekanisme untuk melaporkan kandungan memudaratkan, melindungi keselamatan dalam talian pengguna kanak-kanak, dan mewujudkan mekanisme untuk menjadikan kandungan memudaratkan prioriti tidak dapat diakses oleh semua pengguna.

3.0

Perkara yang Perlu Diberi Perhatian

Bahagian ini menggariskan cara mengenal pasti kanak-kanak yang terjejas dengan penderaan seksual dalam talian serta langkah-langkah yang perlu diambil.

Tanda Amaran untuk Guru dan Ibu Bapa: Cara mengenal pasti jika kanak-kanak terjebak dalam talian

Kebanyakan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual atau buli siber enggan berkongsi pengalaman mereka dengan guru atau ibu bapa. Mereka berasa takut terhadap kemungkinan tindak balas negatif, hukuman daripada orang dewasa, berasa malu serta bimbang jika akses dalam talian mereka akan dihadkan atau ditarik balik. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu peka terhadap tanda-tanda yang mungkin menunjukkan kanak-kanak sedang mengalami masalah.



Beberapa tanda yang mungkin menunjukkan seorang kanak-kanak sedang menghadapi masalah termasuk:

1. **Cemas/beremosi ketika dalam talian** – Kanak-kanak menunjukkan tanda-tanda tekanan emosi semasa atau selepas menggunakan internet, atau apabila menerima mesej.
2. **Kerahsiaan berlebihan** – Kanak-kanak terlalu berahsia tentang kehidupan digital mereka, termasuk menyembunyikan atau menutup skrin apabila orang lain memasuki bilik mereka atau menghampiri mereka.
3. **Pengasingan sosial** – Menjauhkan diri daripada keluarga, rakan atau aktiviti sosial serta mengelakkan daripada menghadiri sekolah atau kumpulan sosial.
4. **Perubahan tingkah laku yang ketara** – Berlaku perubahan tingkah laku yang tidak dapat dijelaskan atau penurunan prestasi akademik.
5. **Perubahan emosi (*mood swing*)** – Menunjukkan perubahan emosi, corak tidur atau selera makan.
6. **Berhenti menggunakan komputer atau telefon bimbit.**

Tidak semua kanak-kanak akan bertindak balas dengan cara yang sama, malah ada yang tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa mereka sedang berhadapan dengan masalah. Oleh itu, komunikasi dua hala yang terbuka dengan mana-mana kanak-kanak di bawah jagaan anda amat penting. Kanak-kanak lebih cenderung untuk berkongsi kebimbangan dan masalah dengan orang dewasa apabila mereka mempercayai anda dan yakin bahawa anda tidak akan bertindak secara negatif atau kasar terhadap mereka.

Apa yang Perlu Dilakukan Apabila Masalah Berlaku?

Berikut adalah langkah dan tindakan segera yang boleh diambil oleh seseorang kanak-kanak:

1. **BERHENTI** – Hentikan komunikasi dengan pelaku atau pembuli dan jangan memenuhi sebarang permintaan mereka lagi.
2. **BERITAHU** – Beritahu individu yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain seperti guru atau doktor.
3. **REKODKAN** – Ambil tangkapan layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** memadamkan bahan tersebut kerana ia penting sebagai bukti.
4. **SEKAT** – Sekat nombor telefon dan akaun dalam talian pelaku. Jika perlu, tukar nombor telefon atau alamat e-mel kepada yang baharu.
5. **LAPORKAN** – Dapatkan bantuan ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai untuk melaporkan penderaan kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Panduan Pengendalian Pendedahan pada muka surat 27).
6. **KATA LALUAN** – Segera tukar kata laluan semua aplikasi dan akaun dalam talian serta pastikan kata laluan baharu lebih kukuh dan selamat.
7. **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional seperti kaunselor untuk menangani trauma yang dialami.

4.0 Pengendalian Pendedahan⁹

Kanak-kanak perlu dilatih dalam dua aspek:

Tidak Menyimpan Rahsia

Ajar kanak-kanak supaya sentiasa memberitahu orang dewasa yang dipercayai, seperti ibu bapa, guru atau doktor sekiranya mereka tidak selesa dengan apa-apa yang berlaku dalam talian, termasuk tingkah laku orang lain terhadap mereka. Perkara ini penting walaupun kanak-kanak merasakan mereka telah melakukan sesuatu yang salah.

Hak untuk Berkata Tidak

Setiap kanak-kanak perlu memahami bahawa mereka mempunyai hak untuk mengatakan tidak terhadap sebarang bentuk komunikasi yang membuatkan mereka berasa tidak selesa. Mereka juga perlu memberitahu ibu bapa, penjaga atau guru tentang sebarang komunikasi yang tidak sesuai atau yang membuat mereka berasa tidak selesa.

Prinsip Pendedahan

- Sentiasa menjaga kerahsiaan bagi melindungi privasi kanak-kanak. Jangan bergosip mengenai isu tersebut kepada pihak lain. Jangan mendedahkan identiti kanak-kanak kepada media dalam apa-apa bentuk sekalipun.
- Maklumkan kepada ibu bapa atau penjaga sekiranya terdapat syak wasangka bahawa penderaan telah berlaku. Ibu bapa tiada hak untuk menolak atau mengabaikan pendedahan yang dibuat oleh kanak-kanak.
- Terus memberikan sokongan kepada kanak-kanak atau dapatkan bantuan daripada perkhidmatan profesional. Kanak-kanak mungkin memerlukan bantuan khusus atau kaunseling untuk mengatasi situasi yang dialami.

⁹ Amar-Singh HSS (2019). *Child Safe Programme*. National Evangelical Christian Fellowship (NECF).

Bercakap dengan Kanak-kanak

Menyokong kanak-kanak bukan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan ibu bapa dan guru untuk mempunyai sifat empati, kemahiran mendengar yang baik serta pendekatan yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Berikut ialah beberapa panduan:

1. Adalah penting untuk menyediakan tempat yang selamat dan mempunyai privasi untuk berbual dengan kanak-kanak. Jika boleh, sediakan seorang pendamping atau pastikan pintu berada dalam keadaan terbuka atau terdapat tingkap berkaca bagi mengelakkan sebarang risiko atau salah faham semasa sesi perbualan.
2. Berkomunikasi mengikut peringkat umur. Gunakan bahasa yang mudah dan jelas semasa berkomunikasi tanpa merendahkan kanak-kanak. Dengarkan mereka dengan penuh perhatian dan berikan peluang untuk menyatakan kebimbangan serta perasaan mereka. Elakkan sebarang sifat menghakimi, sama ada secara lisan atau ekspresi muka.
3. Yakinkan kanak-kanak tersebut bahawa anda akan menjaga kerahsiaan mereka. Walau bagaimanapun, jelaskan bahawa kerahsiaan tersebut tidak dapat dikekalkan sekiranya mereka atau orang lain dalam bahaya. Apabila kanak-kanak berkongsi pengalaman penderaan mereka, nyatakan bahawa anda mempercayai mereka dan tegaskan bahawa apa yang berlaku bukan salah mereka.
4. Walaupun kita ingin meyakinkan kanak-kanak bahawa mereka selamat dan dilindungi daripada penderaan lanjut, perkara tersebut tidak semestinya dapat dijamin. Beritahu mereka bahawa anda akan berusaha sedaya upaya untuk membantu. Tindakan yang diambil hendaklah sentiasa berlandaskan kepentingan terbaik kanak-kanak.



Prosedur Pelaporan

Semua bentuk penderaan seksual dalam talian terhadap kanak-kanak adalah wajib dilaporkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Kanak-kanak 2001 (pindaan 2016) dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Ibu bapa atau guru tidak boleh menyembunyikan atau mengabaikan kebimbangan serta pendedahan penderaan yang dibuat oleh kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak mendedahkan perkara tersebut kepada ibu bapa atau guru, adalah penting untuk mendengar, mengambil perkara itu dengan serius dan membuat laporan (atau mendapatkan bantuan untuk penilaian lanjut). Terdapat dua jenis laporan yang boleh dibuat, seperti yang dijelaskan di bawah:

A. Apabila Penderaan Berlaku dalam Talian

1. Beritahu orang dewasa yang dipercayai mengenainya

Galakkan kanak-kanak yang mengalami sebarang penderaan seksual atau masalah dalam talian untuk berbincang dengan individu yang dipercayai seperti ibu bapa, guru atau doktor atau orang dewasa lain yang boleh membantu. Terangkan kepada mereka bahawa tidak semua rahsia perlu disimpan, terutamanya jika melibatkan penderaan. Orang dewasa perlu menggalakkan kanak-kanak menghentikan semua komunikasi dengan pendera dan tidak memenuhi sebarang permintaan lanjut. Ibu bapa juga perlu dimaklumkan secepat mungkin sekiranya kanak-kanak memberitahu orang dewasa lain.

2. Simpan bukti penderaan seksual dalam talian

Dokumentasikan semua komunikasi yang telah berlaku dengan mengambil tangkapan layar, sebaik-baiknya yang memaparkan tarikh dan masa. Simpan salinan digital dan cetak salinan sebagai bukti. Jangan memadamkan komunikasi tersebut kerana ia merupakan bukti penting.

3. Sekat dan hentikan semua komunikasi dengan pendera

Sekat nombor telefon dan semua akaun dalam talian milik pelaku, termasuk akaun media sosial. Dalam sesetengah keadaan kanak-kanak perlu diberikan nombor telefon dan alamat e-mel baharu. Sekiranya penderaan seksual dalam talian berlaku secara serius (dan meluas), kanak-kanak mungkin perlu menghentikan penggunaan akaun sedia ada dan membina profil yang baharu. Tukar semua kata laluan aplikasi dalam telefon bimbit dan akaun media sosial dengan segera serta gunakan kata laluan yang lebih kukuh. Selain itu, pertimbangkan untuk memasang perisian *anti-malware* dan mengimbas peranti yang digunakan.

4. Membuat laporan polis

Temani kanak-kanak dan ibu bapa ke balai polis berhampiran untuk membuat laporan rasmi. Pastikan semua bukti yang berkaitan dibawa bersama sebelum membuat laporan.

Fakta yang diperlukan dalam laporan polis berkaitan keganasan dalam talian

- **BILA:** Bilakah kejadian berlaku? Nyatakan tarikh dan masa.
- **DI MANA:** Di manakah kejadian berlaku? Nyatakan platform atau aplikasi dalam talian.
- **SIAPA:** Siapakah yang terlibat? Nyatakan identiti atau maklumat suspek jika diketahui.
- **APA:** Apakah yang berlaku? Berikan butiran kejadian.
- **BAGAIMANA:** Bagaimanakah kejadian berlaku dan berapa kali ia berlaku?
- **KESAN:** Apakah kesan yang dialami selepas kejadian tersebut? Nyatakan kerosakan, kerugian, kecederaan, kemurungan, ketakutan atau kesan lain.
- **KENAPA:** Mengapakah laporan dibuat? Contohnya untuk tindakan pihak berkuasa atau demi keselamatan dan sebagainya.



CONTOH LAPORAN POLIS

Pada _____ (tarikh dan masa), saya berkenalan dengan seseorang yang bernama _____ (nama atau butiran lain) melalui _____ (platform dalam talian). Pada _____ (tarikh dan masa), saya menerima _____ (nyatakan kejadian) dalam _____ (platform dalam talian) daripada individu tersebut. Individu itu mengugut untuk menyebarkan maklumat atau bahan berkenaan kepada orang lain melalui aplikasi media sosial sekiranya saya tidak bertemu dengannya secara bersemuka. Kejadian ini telah berlaku sebanyak _____ kali. Saya berasa takut akan keselamatan diri saya dan mengalami _____ (nyatakan kesan yang dialami).

Saya membuat laporan ini supaya pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

5. Buat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)

- Hotline (waktu pejabat sahaja): 1800-188-030
- E-mel: aduanskmm@mcmc.gov.my
- Aduan dalam talian: <https://aduan.skmm.gov.my>
- Sertakan salinan laporan polis semasa membuat aduan.

6. Pertimbangkan terapi untuk kanak-kanak

Sesetengah kanak-kanak yang mengalami trauma yang serius mungkin memerlukan bantuan profesional daripada kaunselor untuk mengatasi trauma tersebut. Ramai yang mengalami Gangguan Stres Pasca Trauma (*Post-Traumatic Stress Disorder* atau PTSD).

B. Apabila Penderaan dalam Talian Menjadi Penderaan Fizikal

Apabila penderaan dalam talian menjadi penderaan seksual secara fizikal, kanak-kanak itu hendaklah dibawa ke salah satu agensi yang menyediakan bantuan seperti hospital kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau polis. Selain itu, mungkin terdapat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di kawasan setempat yang aktif dalam usaha perlindungan kanak-kanak dan boleh membantu kanak-kanak serta keluarga sepanjang proses tersebut. Bantuan yang diberikan termasuk perkhidmatan kaunseling, penyelarasan antara agensi dan sokongan sepanjang prosiding mahkamah.

Berikut ialah panduan umum mengenai proses yang biasanya dilalui oleh kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual apabila mereka dirujuk kepada agensi-agensi berkenaan serta panduan pengurusan lawatan tersebut.

*Nota: Prosedur di setiap hospital kerajaan mungkin berbeza-beza, terutamanya di hospital besar yang mempunyai Jabatan Pediatrik. Secara umumnya, proses yang boleh dijangkakan adalah seperti berikut:

Dimasukkan ke Wad	Terdapat dua kemungkinan dalam pengurusan kes kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual. Sesetengah hospital akan merujuk semua kanak-kanak ke Pusat Krisis Bersepadu (<i>One Stop Crisis Centre</i> atau OSCC) di Jabatan Kecemasan untuk penilaian awal. Walau bagaimanapun, sesetengah Jabatan Pediatrik lebih cenderung untuk menilai kanak-kanak di klinik atau secara serta merta (di luar waktu pejabat) dan memasukkan mangsa terus ke wad. Kebiasaannya, kanak-kanak akan berada di wad pediatrik. Namun, kanak-kanak perempuan yang lebih berusia mungkin dirujuk ke wad obstetrik dan ginekologi, manakala kanak-kanak lelaki yang lebih berusia mungkin dirujuk ke wad pembedahan.
Keperluan untuk Laporan Polis	Mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kanak-kanak 2001, semua doktor kerajaan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan bagi melindungi kanak-kanak yang disyaki menjadi mangsa penderaan, walaupun laporan polis belum dibuat. Laporan polis diperlukan untuk membantu siasatan, membolehkan pemeriksaan perubatan dijalankan dan memastikan sampel serta bukti yang dikumpulkan boleh digunakan dalam prosiding mahkamah. Laporan polis boleh dibuat oleh ibu bapa, doktor kerajaan atau kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kebanyakan hospital kerajaan yang lebih besar dilengkapi dengan kaunter polis di Jabatan Kecemasan. Walaupun ibu bapa menarik balik laporan polis yang telah dibuat, doktor tetap mempunyai tanggungjawab di sisi undang-undang untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memaklumkan perkara tersebut kepada JKM.
Pemeriksaan	Pemeriksaan akan dilakukan sama ada di OSCC Jabatan Kecemasan atau di wad pediatrik. Di hospital kerajaan yang lebih besar dan mempunyai Jabatan Pediatrik, pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang Disyaki (<i>Suspected Child Abuse and Neglect</i> atau SCAN) biasanya akan terlibat dalam pemantauan proses pemeriksaan. Pemeriksaan lazimnya dijalankan secara bersama oleh pakar pediatrik dan pakar ginekologi. Pihak polis juga perlu bersedia untuk menerima sampel yang dikumpulkan serta memastikan rantaian bukti dikekalkan secara sempurna.

Makluman dan Peranan JKM	JKM akan dimaklumkan secara bertulis oleh Jabatan Pediatrik sebaik sahaja kanak-kanak tersebut dimasukkan ke wad. Pegawai JKM akan menemu bual kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga serta doktor yang bertanggungjawab terhadap kes tersebut.
Discaj dan Kaunseling	Semasa berada di hospital, kanak-kanak akan menerima rawatan perubatan dan perkhidmatan kaunseling. Keputusan untuk membenarkan mereka pulang akan dibuat secara bersama antara Jabatan Pediatrik dan JKM. Pertimbangan utama dalam keputusan tersebut ialah memastikan kanak-kanak ditempatkan dalam persekitaran yang selamat selepas keluar dari hospital.
Peranan Polis	Pihak polis akan menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima dan mengumpulkan bukti bagi tujuan pendakwaan terhadap suspek. Sebaik sahaja laporan polis dibuat, Pegawai Penyiasat (<i>Investigating Officer</i> atau IO) akan ditugaskan untuk mengendalikan kes tersebut. Tugas IO termasuk mengambil keterangan daripada kanak-kanak, doktor yang terlibat dan suspek. Setelah siasatan selesai, IO akan menyerahkan laporan kepada Timbalan Pendakwa Raya (<i>Deputy Public Prosecutor</i> atau DPP). DPP akan meneliti semua bukti laporan yang dikemukakan sebelum membuat keputusan sama ada kes tersebut mempunyai asas yang mencukupi untuk dibawa ke mahkamah. Nota: Dalam sesetengah kes, DPP mungkin memutuskan untuk tidak meneruskan pendakwaan sekiranya bukti tidak mencukupi untuk menyokong pertuduhan di mahkamah.

Fakta yang diperlukan dalam laporan polis berkaitan penderaan seksual fizikal

- **BILA:** Bilakah kejadian berlaku? Nyatakan tarikh dan masa kejadian.
- **DI MANA:** Di manakah kejadian berlaku? Nyatakan lokasi kejadian.
- **SIAPA:** Siapakah yang terlibat? Nyatakan identiti atau maklumat suspek jika diketahui, atau individu yang disyaki sebagai pelaku.
- **APA:** Apakah yang berlaku? Berikan butiran kejadian.
- **BAGAIMANA:** Bagaimanakah kejadian berlaku dan berapa kali ia berlaku?
- **KESAN:** Apakah kesan yang dialami selepas kejadian tersebut? Contohnya lebam, kecederaan, kemurungan, ketakutan atau kesan lain.
- **KENAPA:** Mengapakah laporan dibuat? Contohnya untuk tindakan pihak berkuasa atau demi keselamatan dan sebagainya.

CONTOH LAPORAN POLIS

Pada _____ (tarikh dan masa), semasa saya berada di _____ (alamat/ lokasi), saya telah dirogol oleh _____ (nama atau butiran lain pelaku). Pelaku tersebut memaksa _____ (nyatakan butiran kejadian). Saya telah berkawan dengan pelaku _____ (nama atau butiran lain) melalui _____ (platform dalam talian) sejak _____ (tarikh atau tempoh perkenalan). Kejadian rogol tersebut telah berlaku sebanyak _____ (berapa kali) pada _____ (tarikh dan masa dan lokasi sebelumnya). Akibat kejadian tersebut, saya mengalami _____ (nyatakan kesan yang dialami).

Saya membuat laporan ini supaya pihak berkuasa dapat menjalankan siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

5.0 Aktiviti

Bahagian ini membincangkan pelbagai bentuk penderaan seksual dalam talian serta menyediakan aktiviti yang berkaitan bagi setiap jenis penderaan tersebut. Kebanyakan aktiviti memerlukan masa selama 45 hingga 60 minit untuk diselesaikan dan lebih berkesan apabila dijalankan secara berkumpulan bersama peserta. Setiap bentuk penderaan seksual dibincangkan melalui kajian kes dan/atau aktiviti yang berkaitan.

Bagi menggalakkan penglibatan yang lebih aktif, adalah disarankan agar peserta dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang. Setiap kumpulan diminta mengemukakan pendapat dan cadangan bagi setiap situasi. Pendekatan ini akan menggalakkan pembelajaran yang lebih interaktif. Setiap aktiviti disertakan dengan lembaran kerja yang boleh diedarkan kepada setiap kumpulan kecil bagi memudahkan perbincangan dalam kalangan peserta.

Aktiviti-aktiviti sesuai dilaksanakan bersama-sama peserta berumur antara 12 hingga 18 tahun. Peserta yang lebih muda, iaitu berumur 9 hingga 11 tahun, juga boleh mendapat manfaat daripada sesi tersebut. Walau bagaimanapun, kandungan dan pendekatan perlu disesuaikan dengan tahap umur dan kefahaman mereka.

Pendidik dan fasilitator digalakkan untuk sentiasa mengemas kini sumber pembelajaran dan video yang berkaitan keselamatan siber sebelum menjalankan aktiviti bersama peserta.



Topik 1: Rakan-rakan Kita

Aktiviti: Bulatan Persahabatan^{10,11}

Bulatan persahabatan atau bulatan sosial ialah satu rajah grafik yang digunakan untuk membantu peserta memahami pelbagai tahap keakraban dalam hubungan mereka dengan individu yang mereka kenali atau tidak kenal. Aktiviti ini membantu peserta meneroka pelbagai bentuk perhubungan dengan kawan, termasuk kawan dalam talian. Selain itu, aktiviti ini juga menggalakkan perbincangan tentang isu kepercayaan dan perkongsian maklumat dengan pelbagai jenis rakan melalui rajah “Bulatan Persahabatan”.

Objektif Pembelajaran

- Membezakan kategori kawan seperti kawan rapat, kawan biasa, kenalan dan kawan dalam talian.
- Mengenal pasti individu yang boleh dipercayai serta memahami cara mewujudkan batasan selamat dalam perhubungan.

Masa Diperlukan: 45-60 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Kertas A4 yang mengandungi rajah “Bulatan Persahabatan”, kertas mahjong, pen penanda (*marker pen*), pelekat boleh tanggal (*blue-tack*).

Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta. Pastikan setiap orang menerima satu salinan kertas A4 yang mengandungi rajah “Bulatan Persahabatan”.
3. Minta setiap peserta menulis nama mereka pada bulatan di bahagian tengah (dan/atau tampal gambar mereka di situ). Jelaskan bahawa bulatan tersebut mewakili ruang peribadi mereka, sama seperti tubuh badan mereka, dan hanya individu tertentu sahaja dibenarkan memasuki ruang tersebut.

¹⁰ Amar-Singh HSS (2019). *Child Safe Programme*. National Evangelical Christian Fellowship (NECF).


¹¹ Hasanah Akhir, Hana Husni, Prema Devaraj (2017). *Cybersafety Programme for adolescents 12 to 17 years: Guidelines for facilitators and trainers*. Women's Centre for Change, Penang.

4. Pada bulatan seterusnya, minta peserta menulis perkataan “kawan”. Pada peringkat ini, tanyakan kepada mereka tentang tujuan mempunyai kawan dan bincangkan ciri-ciri seorang kawan yang baik. Senaraikan jawapan mereka di papan putih dan minta mereka merenung dan mengenal pasti ciri yang paling penting. Berdasarkan maklum balas yang diberikan, tekankan bahawa kepercayaan merupakan salah satu ciri yang paling penting dalam sesebuah persahabatan.



5. Bincangkan jenis kawan yang mereka miliki dan jelaskan perbezaan antara setiap kategori.
 - a. **Kawan rapat:** Individu yang anda kenali dengan baik dan yang mengenali anda dengan baik. Mereka mungkin seseorang yang anda peluk sebagai tanda kasih sayang, anggap sebagai kawan istimewa dan berkongsi rahsia.
 - b. **Kawan biasa:** Individu yang anda kenali dengan agak baik dan yang berinteraksi atau berbual dengan anda dari semasa ke semasa.
 - c. **Kenalan:** Individu yang anda kenali secara umum di kawasan kejiranan atau di sekolah dan yang biasanya hanya bertegur sapa secara sopan.
 - d. **Kawan dalam talian:** Individu yang anda kenali dalam talian tetapi tidak pernah dikenali secara bersemuka.
6. Minta peserta membincangkan perbezaan antara perkara yang akan dilakukan dengan kawan rapat berbanding kawan biasa atau kenalan. Contohnya, berkongsi rahsia dengan seorang kawan rapat tetapi tidak dengan kawan biasa atau kenalan.
7. Bincangkan bagaimana kepercayaan dibina dalam sesuatu hubungan dan jelaskan bahawa proses ini memerlukan masa serta pengalaman untuk berkembang.
8. Tanyakan sama ada mereka berpendapat bahawa kawan yang kenali secara dalam talian boleh dipercayai. Minta mereka memberikan alasan bagi menyokong pendapat masing-masing.
9. Akhir sekali, di luar bulatan terakhir, minta mereka menulis perkataan “Orang yang Tidak Dikenali”. Ajar mereka supaya jangan melayan orang yang tidak dikenali, dan elakkan diri mereka daripada disentuh.
10. Gunakan warna yang berbeza untuk setiap bulatan, contohnya, warna merah untuk bahagian paling luar bagi menunjukkan tanda bahaya untuk membantu menjelaskan maksud kepada kanak-kanak. Ingatlah bahawa isyarat visual seperti ini adalah kaedah yang baik untuk menyokong komunikasi secara lisan.

Lembaran Kerja: Bulatan Persahabatan



Topik 2: Pengantunan Kanak-kanak dalam Talian untuk Tujuan Seksual

Aktiviti: Dua Kajian Kes (Kisah Amelia dan Kisah Ethan)

Objektif Pembelajaran

- Untuk memahami “Pengantunan dalam Talian terhadap Kanak-kanak” serta mengenal pasti tanda-tanda berlakunya pengantunan.
- Untuk memahami aspek kebolehpercayaan dan keselamatan “kawan” dalam talian serta mempelajari strategi untuk membina interaksi dalam talian yang selamat.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk memaparkan kajian kes dan soalan atau salinan bercetak sebagai bahan edaran kepada peserta. Gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada peserta sebelum mereka berpeluang memberikan jawapan dan pandangan mereka sendiri). Rujuk bahagian Perbincangan pada muka surat 41-42.

Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan sesi dengan menerangkan konsep mengenai “Pengantunan dalam Talian terhadap Kanak-kanak untuk Tujuan Seksual” (rujuk muka surat 7).
4. Bacakan kajian kes dengan jelas dan edarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan. Terdapat dua kajian kes yang disediakan, iaitu satu melibatkan seorang kanak-kanak perempuan (Kisah Amelia) dan satu lagi melibatkan seorang kanak-kanak lelaki (Kisah Ethan). Fasilitator boleh menggunakan kedua-dua kajian kes atau hanya memilih salah satu daripadanya.
5. Minta peserta setiap kumpulan berbincang dan mencatatkan jawapan mereka pada lembaran kerja yang disediakan.
6. Minta setiap kumpulan membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.

7. Bincangkan “Bagaimana Pelaku Pengantunan (Groomer) dalam Talian Beroperasi” (rujuk muka surat 8).
8. Pertimbangkan untuk memberikan salinan “Tanda Amaran” (rujuk Lampiran 1) kepada setiap peserta. Galakkan mereka menampalkan bahan tersebut di bilik tidur atau lokasi yang sering digunakan untuk mengakses internet.

Kajian Kes 1: Kisah Amelia

Amelia ialah seorang gadis berusia 13 tahun dan dia dibuli di sekolah. Kejadian buli menjejaskan harga dirinya dan menyebabkan dia berasa rentan. Oleh sebab sukar untuk berkawan di sekolah, dia mula beralih kepada permainan dalam talian. Tidak lama kemudian, dia berkawan dengan seorang pemain permainan dalam talian, Alfie, yang memahami dirinya dan berpengetahuan luas. Mereka mula berbual selama berjam-jam, biasanya pada waktu malam, dan tidak lama kemudian mula bertukar mesej di Discord (aplikasi untuk permainan dan bersosial). Mereka meluahkan perasaan bahawa mereka saling menyukai. Alfie meminta Amelia untuk menjadi teman wanitanya, dan Amelia dengan senang hati bersetuju.

Alfie mula meminta gambar Amelia, dan akhirnya meminta gambar bogelnya. Amelia berasa tidak selesa untuk menghantar gambar sedemikian, tetapi dia sangat menyukai Alfie dan tidak mahu mengecewakannya. Alfie menenangkannya dengan mengatakan bahawa gambar-gambar ini akan selamat bersamanya. Dia juga meyakinkan Amelia bahawa ini adalah perkara biasa bagi pasangan yang berada dalam hubungan romantik. Walaupun Amelia teragak-agak, dia akhirnya memutuskan untuk menghantar gambarnya. Pada suatu hari, rakan Amelia memberitahunya bahawa gambarnya telah menjadi tular dan sedang dijual. Amelia sangat terkejut dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan.



Kajian Kes 2: Kisah Ethan

Ethan ialah seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang pendiam dan tidak mempunyai rakan di sekolah. Ibu bapanya juga mempunyai dua orang lagi anak kecil yang berusia 2 dan 4 tahun. Mereka memberikan tumpuan lebih banyak kepada anak-anak yang lebih kecil. Ethan beralih kepada aplikasi perbualan dalam talian untuk mencari rakan. Dia berkenalan dengan seorang gadis bernama Sarah yang lebih kurang sebaya dengannya. Selepas beberapa bulan, mereka membina hubungan yang rapat dan berkomunikasi dengan lebih kerap. Pada mulanya, mereka berhubung melalui media sosial, dan kemudian secara peribadi melalui WhatsApp. Sarah menyatakan Ethan ialah pasangan yang sempurna untuknya. Mereka saling bertukar-tukar gambar peribadi termasuk beberapa gambar Sarah yang menggodakan.

Pada suatu hari, Sarah menghantar gambar dirinya yang separuh bogel dan meminta respons daripada Ethan. Ethan kemudiannya turut menghantar gambar dirinya yang menunjukkan kemaluannya. Selepas insiden tersebut, hubungan mereka berubah dengan mendadak. Ethan menerima panggilan video daripada 'Sarah' dan mendapati 'dia' sebenarnya seorang lelaki dewasa yang lebih tua. Ethan berasa sangat takut. Lelaki itu mengugut untuk menyebarkan gambar bogelnya kepada rakan sekelasnya jika Ethan enggan menuruti segala kemahuannya. Tingkah laku Ethan di rumah dan di sekolah mula berubah. Dia menjadi semakin menyendiri, namun perubahan tersebut tidak disedari ibu bapa mahupun gurunya. Pada suatu hari, lelaki itu mengarahkan Ethan untuk menemuinya di pangsapurnya. Ethan akur lalu pergi ke tempat tersebut dan didera secara seksual.

Perbincangan

1. Apakah ciri-ciri rakan yang baik dan yang boleh dipercayai?

- Rakan yang baik akan menghormati anda dan nilai anda.
- Rakan yang baik akan mendengar pandangan anda dan bersedia untuk mengakui kesilapan mereka.
- Rakan yang boleh dipercayai ialah seorang yang amanah, menjaga kepercayaan yang diberikan dan menyimpan rahsia bukan untuk memeras ugut anda.
- Rakan yang boleh dipercayai akan sentiasa bersama anda pada waktu susah dan senang.
- Sahabat sejati akan meminta maaf apabila mereka menyakiti perasaan anda dan berusaha untuk tidak mengulanginya.
- Tidak akan meminta atau mendesak anda melakukan sesuatu yang salah atau membuat anda berasa tidak selesa.
- Tidak akan menghantar atau meminta gambar berunsur seksual.

Pada asasnya, kita perlu menerapkan nilai yang sama dalam hubungan dalam talian mahupun bersemuka.

2. Bagaimanakah anda dapat mengetahui sama ada seseorang yang anda temui dalam talian boleh dipercayai dan selamat?

Soalan ini sukar untuk dijawab dan memerlukan pemahaman, gerak hati dan pengalaman. Oleh itu, anda perlu sentiasa berwaspada terhadap beberapa tanda amaran berikut apabila individu dalam talian tersebut:

- Sering memberikan pujian yang berlebihan kepada anda, terutamanya mengenai penampilan fizikal anda (contohnya “anda kelihatan sangat cantik” atau “anda sangat tampan”).
- Cuba mengubah komunikasi dalam kumpulan kepada komunikasi yang lebih peribadi dan bersifat satu dengan satu (*one-to-one*).
- Meminta anda untuk merahsiakan hubungan yang terjalin.
- Ingin mengetahui lebih banyak tentang kehidupan peribadi anda dan meminta maklumat seperti alamat rumah, nombor telefon bimbit dan maklumat peribadi lain.
- Ingin menghantar hadiah kepada anda.
- Mengajak anda berjumpa secara bersemuka atau meminta gambar intim daripada anda.

Perkara paling penting ialah mengambil masa untuk mengenali seseorang dan membina hubungan secara beransur-ansur. Sebaik-baik komunikasi dilakukan dalam platform terbuka atau dalam kumpulan. Prinsip yang sama juga perlu diamalkan dalam interaksi secara bersemuka. Sekiranya terdapat keraguan atau jika kanak-kanak berasa tidak selesa, mereka perlu berbincang tentang hubungan tersebut dengan individu yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai.

3. Apakah yang perlu Amelia/Ethan lakukan sekarang dalam situasi ini?

- **BERHENTI** – Hentikan semua bentuk komunikasi dengan lelaki tersebut, sama ada dalam talian atau secara bersemuka, dan jangan memenuhi sebarang permintaan lanjut daripadanya.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai, seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkap layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** padamkan komunikasi tersebut kerana ia boleh dijadikan bukti.
- **LAPOR dan SEKAT** – Sekat nombor dan akaun dalam talian lelaki tersebut. Dapatkan bantuan ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai untuk melaporkan penderaan kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting pada muka surat 81-88).
- **KATA LALUAN** – Tukar kata laluan bagi semua aplikasi dan akaun dalam talian dengan segera serta gunakan kata laluan yang lebih kukuh.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk mengatasi trauma yang dialami.



Lembaran Kajian: Pengantunan Kanak-kanak dalam Talian untuk Tujuan Seksual

Kajian Kes 1: Kisah Amelia

Amelia ialah seorang gadis berusia 13 tahun dan dia dibuli di sekolah. Kejadian buli menjejaskan harga dirinya dan menyebabkan dia berasa rentan. Oleh sebab sukar untuk berkawan di sekolah, dia mula beralih kepada permainan dalam talian. Tidak lama kemudian, dia berkawan dengan seorang pemain permainan dalam talian, Alfie, yang memahami dirinya dan berpengetahuan luas. Mereka mula berbual selama berjam-jam, biasanya pada waktu malam, dan tidak lama kemudian mula bertukar mesej di Discord (aplikasi untuk permainan dan bersosial). Mereka meluahkan perasaan bahawa mereka saling menyukai. Alfie meminta Amelia untuk menjadi teman wanitanya, dan Amelia dengan senang hati bersetuju.

Alfie mula meminta gambar Amelia, dan akhirnya meminta gambar bogelnya. Amelia berasa tidak selesa untuk menghantar gambar sedemikian, tetapi dia sangat menyukai Alfie dan tidak mahu mengecewakannya. Alfie menenangkannya dengan mengatakan bahawa gambar-gambar ini akan selamat bersamanya. Dia juga meyakinkan Amelia bahawa ini adalah perkara biasa bagi pasangan yang berada dalam hubungan romantik. Walaupun Amelia teragak-agak, dia akhirnya memutuskan untuk menghantar gambarnya. Pada suatu hari, rakan Amelia memberitahunya bahawa gambarnya telah menjadi tular dan sedang dijual. Amelia sangat terkejut dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

Perbincangan

1. Apakah ciri-ciri rakan yang baik dan yang boleh dipercayai?

2. Bagaimanakah anda dapat mengetahui sama ada seseorang yang anda temui dalam talian boleh dipercayai dan selamat?

3. Apakah yang perlu Amelia lakukan sekarang dalam situasi ini?

Lembaran Kajian: Pengantunan Kanak-kanak dalam Talian untuk Tujuan Seksual

Kajian Kes 2: Kisah Ethan

Ethan ialah seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang pendiam dan tidak mempunyai rakan di sekolah. Ibu bapanya juga mempunyai dua orang lagi anak kecil yang berusia 2 dan 4 tahun. Mereka memberikan tumpuan lebih banyak kepada anak-anak yang lebih kecil. Ethan beralih kepada aplikasi perbualan dalam talian untuk mencari rakan. Dia berkenalan dengan seorang gadis bernama Sarah yang lebih kurang sebaya dengannya. Selepas beberapa bulan, mereka membina hubungan yang rapat dan berkomunikasi dengan lebih kerap. Pada mulanya, mereka berhubung melalui media sosial, dan kemudian secara peribadi melalui WhatsApp. Sarah menyatakan Ethan ialah pasangan yang sempurna untuknya. Mereka saling bertukar-tukar gambar peribadi termasuk beberapa gambar Sarah yang menggodakan.

Pada suatu hari, Sarah menghantar gambar dirinya yang separuh bogel dan meminta respons daripada Ethan. Ethan kemudiannya turut menghantar gambar dirinya yang menunjukkan kemaluannya. Selepas insiden tersebut, hubungan mereka berubah dengan mendadak. Ethan menerima panggilan video daripada 'Sarah' dan mendapati 'dia' sebenarnya seorang lelaki dewasa yang lebih tua. Ethan berasa sangat takut. Lelaki itu mengugut untuk menyebarkan gambar bogelnya kepada rakan sekelasnya jika Ethan enggan menuruti segala kemahuannya. Tingkah laku Ethan di rumah dan di sekolah mula berubah. Dia menjadi semakin menyendiri, namun perubahan tersebut tidak disedari ibu bapa mahupun gurunya. Pada suatu hari, lelaki itu mengarahkan Ethan untuk menemuinya di pangsapurinya. Ethan akur lalu pergi ke tempat tersebut dan didera secara seksual.

Perbincangan

1. Apakah ciri-ciri rakan yang baik dan yang boleh dipercayai?

2. Bagaimanakah anda dapat mengetahui sama ada seseorang yang anda temui dalam talian boleh dipercayai dan selamat?

3. Apakah yang perlu Ethan lakukan sekarang dalam situasi ini?

Topik 3: Sexting dan Pemasaran Seksual (Sextortion)

Aktiviti 1: Bahaya dalam Talian (Aplikasi Pesanan Ringkas)

Objektif Pembelajaran

- Memberikan pendedahan tentang bahaya penggunaan aplikasi pesanan ringkas ketika berkawan.
- Meningkatkan kesedaran tentang cara mendapatkan bantuan.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Video YouTube Keselamatan Siber WCC, *Chat Apps dan Cyber Violence? Beware, Be Safe*.
- Komputer riba, pembesar suara, projektor, kertas mahjong dan pen penanda.



Kaedah

1. Kumpulkan semua peserta.
2. Tanyakan kepada peserta tentang jenis aplikasi pesanan ringkas yang mereka gunakan atau ketahui.
3. Minta peserta menjelaskan sebab orang menggunakan aplikasi pesanan ringkas.
4. Minta peserta menerangkan sejauh mana mereka mengenali rakan yang ditemui melalui aplikasi pesanan ringkas dan sama ada rakan tersebut boleh dipercayai (rujuk Topik 1 “Rakan-rakan Kita”, muka surat 36).
5. Minta dua orang peserta berlakon berdasarkan Senario A dan dua orang lagi untuk berlakon berdasarkan Senario B di bawah (pilih peserta daripada gender yang berbeza untuk menjalankan aktiviti ini).

Senario A: Aktiviti Melepak

Anda sedang bersendirian di sebuah kafe. Seseorang yang tidak dikenali menghampiri anda untuk berkenalan. Apakah yang akan anda lakukan?

Nota kepada Fasilitator

- Minta dua orang sukarelawan untuk berlakon sebagai kanak-kanak dan orang yang tidak dikenali.
- Galakkan peserta melakonkan senario tersebut tanpa sebarang komen yang bersifat menghakimi.
- Selepas lakonan selesai, tanyakan soalan berikut:
 - a) Bagaimanakah perasaan anda apabila didekati oleh orang yang tidak dikenali?
 - b) Adakah anda memberikan maklumat peribadi anda kepada orang tersebut?
 - c) Mengapakah anda bertindak sedemikian?
- Catatkan jawapan yang diberikan oleh peserta pada kertas mahjong.

Senario B: Aplikasi Pesanan Ringkas**(Contoh: WhatsApp / Telegram)**

Anda menerima mesej daripada seseorang yang anda tidak kenali di WhatsApp. Apakah yang akan anda lakukan?

Nota kepada Fasilitator

- Minta dua orang sukarelawan untuk berlakon sebagai kanak-kanak dan orang yang tidak dikenali.
 - Galakkan peserta melakonkan senario tersebut tanpa sebarang komen yang bersifat menghakimi.
 - Selepas lakonan selesai, tanyakan soalan berikut:
 - a) Apakah perasaan anda apabila menerima mesej daripada seseorang yang tidak dikenali?
 - b) Adakah anda akan membalas mesej tersebut? Jika ya, mengapakah anda membalas mesej tersebut?
 - c) Adakah ia berbeza dengan cara anda berkawan secara bersemuka? Jika ya, nyatakan sebabnya.
 - d) Dalam kategori yang manakah rakan ini boleh diletakkan?
 - Catatkan jawapan yang diberikan oleh peserta pada kertas mahjong.
6. Maklumkan kepada peserta bahawa mereka akan menonton sebuah video tentang aplikasi pesanan ringkas dan perbincangan akan diadakan selepas tayangan.
 7. Mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Chat Apps* (<https://youtu.be/VLXhW4vn0wQ>). Selepas menonton video, minta mereka menjelaskan perkara yang difahami daripada video tersebut (mereka seharusnya dapat merumuskan kandungan utama video). Memandangkan video tersebut agak pendek, fasilitator mungkin perlu menayangkannya semula.
 8. Pastikan mereka memahami bahawa tidak semua rakan dalam talian boleh dipercayai. Seseorang individu mungkin merupakan pelaku eksploitasi seksual.
 9. Tanyakan kepada peserta apakah yang patut dilakukan sekiranya situasi seperti dalam video berlaku kepada mereka atau rakan-rakan mereka.
 10. Setelah mereka membincangkan beberapa pilihan tindakan, mainkan video WCC, *Cyber Violence? Beware, Be Safe* (<https://youtu.be/oUxbggKtQN8>).
 11. Jelaskan kepada peserta bahawa tidak menjadi masalah untuk berkawan, tetapi mereka perlu sentiasa berhati-hati dengan individu yang ingin menjadi rakan mereka dalam talian.



Aktiviti 2: Video Kisah Lila

Objektif Pembelajaran

- Meningkatkan kesedaran tentang bahaya *sexting*.
- Meningkatkan kesedaran tentang cara mendapatkan bantuan.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Video YouTube Keselamatan Siber WCC, *Kisah Lila* dan *Cyber Violence? Beware, Be Safe*.
- Komputer riba, pembesar suara, projektor, kertas mahjong dan pen penanda.



Kaedah

1. Kumpulkan peserta.
2. Tanyakan kepada peserta apakah yang difahami dengan istilah "*sexting*".
3. Seterusnya, terangkan maksud *sexting*.
Sexting ialah perbuatan menghantar, menerima atau menyebarkan mesej, imej atau video berunsur seksual secara eksplisit terutamanya melalui telefon bimbit. Ia juga boleh melibatkan penggunaan komputer atau peranti digital yang lain.
4. Tanyakan kepada mereka mengapakah sesetengah individu terlibat dalam *sexting*.
5. Maklumkan kepada mereka bahawa anda akan menayangkan sebuah video mengenai *sexting* dan perbincangan akan diadakan selepas tayangan.

6. Mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Kisah Lila* (<https://youtu.be/OjyGFIJWQdA>). Selepas menonton video, minta mereka menjelaskan perkara yang berlaku dan apa yang mereka fahami daripada video tersebut (mereka seharusnya dapat merumuskan kandungan utama video). Memandangkan video tersebut agak pendek, fasilitator mungkin perlu menayangkannya semula.



7. Seterusnya, ajukan kepada peserta soalan-soalan berikut:
 - a) Mengapakah teman lelaki tersebut meminta gambar Lila?
 - b) Mengapakah Lila menghantar gambar tersebut?
 - c) Mengapakah teman lelaki tersebut menghantar gambar Lila kepada rakan-rakannya?
 - d) Pada pendapat anda, apakah perasaan Lila apabila dia mengetahui perkara tersebut?
 - e) Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan oleh Lila apabila berhadapan dengan situasi tersebut?
 - f) Di manakah Lila boleh mendapatkan bantuan?



9. Setelah mereka membincangkan pilihan jawapan tentang sumber bantuan yang boleh diperoleh, mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Cyber Violence? Beware, Be Safe* (<https://youtu.be/oUxbggKtQN8>).
9. Jelaskan kepada peserta bahawa mengambil dan berkongsi gambar dengan keluarga serta rakan adalah perkara biasa. Walau bagaimanapun, mereka perlu berhati-hati terhadap jenis gambar yang diambil (iaitu bukan gambar bersifat seksual) dan individu yang menerima gambar tersebut. Sekiranya mereka tidak benar-benar mengenali atau mempercayai seseorang, mereka tidak seharusnya berkongsi sebarang gambar peribadi dengan individu tersebut. Tegaskan bahawa sebaik sahaja sesuatu gambar dikongsi, mereka akan hilang kawalan terhadap cara gambar itu digunakan atau disebar.
10. Tegaskan kepada peserta bahawa sebarang gambar, video atau media yang dihantar boleh disalin, disebarkan dan dimuat naik ke dalam talian. **Ingatkan mereka: Apa yang anda kongsi dalam talian akan kekal selamanya. Fikir dua kali sebelum berkongsi.**

Aktiviti 3: Kajian Kes (Kisah Nora)

Objektif Pembelajaran

- Memahami maksud *sexting*.
- Memberi pendedahan tentang risiko dan akibat berkongsi gambar yang eksplisit secara seksual.
- Mengetahui cara bertindak balas apabila menerima bahan berunsur seksual serta permintaan untuk berkongsi gambar seksual diri sendiri.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk memaparkan kajian kes dan soalan atau salinan bercetak sebagai edaran kepada peserta. Gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada peserta sebelum mereka berpeluang memberikan jawapan dan pandangan mereka sendiri). Rujuk bahagian Perbincangan pada muka surat 49-50.

Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan sesi dengan menerangkan maksud *sexting* dan pemerasan seksual (*sextortion*) kepada peserta (rujuk muka surat 10).

4. Baca kajian kes Kisah Nora dengan jelas dan edarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan.
5. Minta setiap kumpulan berbincang dan mencatatkan jawapan mereka.
6. Minta setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.
7. Bincangkan pengajaran yang boleh dipelajari daripada Kisah Nora.
8. Bincangkan faktor yang mendorong seseorang berkongsi gambar bogel serta akibat perbuatan *sexting* (gunakan bahagian Perbincangan mengenai Kisah Nora di bawah sebagai panduan).

Kajian Kes: Kisah Nora

Nora ialah seorang gadis berusia 14 tahun dan anak tunggal kepada pasangan profesional yang berjaya dan sibuk. Dia sangat aktif di media sosial khususnya Instagram. Seminggu lalu, dia berkenalan dengan seorang lelaki bernama Adam. Adam sering memberikan perhatian dan memuji paras rupa Nora, menyebabkan Nora amat tertarik dan jatuh cinta kepadanya. Adam kemudiannya meminta Nora menghantar gambar bogelnya atas alasan sangat mengagumi kecantikan tubuh badannya. Pada mulanya Nora enggan melakukannya dan Adam meluahkan rasa kecil hati. Adam memujuk Nora dengan janji bahawa gambar tersebut tidak akan dikongsi dan hanya untuk simpanan dirinya sahaja. Nora bimbang Adam akan memutuskan hubungan mereka sekiranya dia tidak bersetuju. Oleh itu, Nora menghantar gambar bogelnya kepada Adam.

Keadaan berubah selepas Nora menghantar gambarnya. Dia mendapat tahu bahawa Adam sebenarnya seorang lelaki dewasa. Adam mula mengugut untuk mendedahkan dan menyebarkan gambar tersebut kepada keluarga dan rakan Nora sekiranya dia tidak menghantar lebih banyak gambar. Nora berasa terperangkap dan terpaksa menuruti arahan Adam, termasuk melakukan interaksi melalui panggilan video yang memaparkan aksi seksual. Adam pula mengambil kesempatan merakam aksi tersebut. Nora kini berasa sangat tertekan, murung dan mempunyai pemikiran untuk menamatkan hidupnya.

Perbincangan

1. Mengapakah Nora menghantar gambar bogelnya kepada Adam?

- Dia berasa disayangi dan dihargai oleh Adam.
- Dia bimbang Adam akan memutuskan hubungan mereka.
- Dia mempercayai janji Adam bahawa Adam tidak akan berkongsi gambar tersebut.
- Dia percaya bahawa profil dalam talian Adam adalah benar.

2. Bagaimanakah Nora sepatutnya bertindak balas apabila didesak untuk menghantar gambar bogelnya?

- Nora sepatutnya tegas dan mempercayai pertimbangannya sendiri untuk tidak menghantar gambar tersebut (mengikut suara hati).
- Nora boleh memberitahu ibu bapanya tentang permintaan tersebut (walaupun dia mungkin enggan berbuat demikian kerana tidak mahu mereka tahu tentang perhubungan itu).

3. Apakah yang perlu Nora lakukan dalam situasi ini?

- **BERHENTI** – Hentikan komunikasi dengan Adam dan jangan memenuhi sebarang permintaan lanjut daripadanya.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkapan layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** padamkan komunikasi tersebut kerana ia boleh dijadikan bukti.
- **LAPOR dan SEKAT** – Sekat nombor telefon dan akaun dalam talian Adam, serta dapatkan bantuan ibu bapa untuk melaporkan penderaan kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting pada muka surat 81-88).
- **KATA LALUAN** – Tukar kata laluan semua aplikasi dan akaun dalam talian dengan segera serta gunakan kata laluan yang lebih kukuh.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk menangani trauma yang dialami.

4. Apakah yang boleh kita pelajari daripada Kisah Nora?

- Adalah wajar untuk mengatakan “TIDAK” apabila seseorang meminta gambar seksual yang eksplisit.
- Individu yang benar-benar menyayangi kita akan menghormati tubuh badan, privasi dan nilai diri kita.
- Adalah wajar untuk menamatkan hubungan atau menyekat seseorang yang terus-menerus meminta gambar seksual.
- Jangan sesekali menyimpan rahsia yang boleh membahayakan diri sendiri.
- Semakin awal anda mendapatkan bantuan ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai, semakin kurangnya kesan negatif.

5. Soalan renungan tambahan

- Bagaimanakah reaksi anda sekiranya anda melihat gambar bogel rakan atau rakan sekelas anda dalam talian?
- Apakah yang akan anda lakukan jika seseorang menghantar gambar bogel orang lain kepada anda?
- Bagaimanakah perasaan anda jika mengetahui teman lelaki atau teman wanita anda berkongsi gambar bogel anda dengan orang lain?

Lembaran Kerja: Sexting

Kajian Kes: Kisah Nora

Nora ialah seorang gadis berusia 14 tahun dan anak tunggal kepada pasangan profesional yang berjaya dan sibuk. Dia sangat aktif di media sosial khususnya Instagram. Seminggu lalu, dia berkenalan dengan seorang lelaki bernama Adam. Adam sering memberikan perhatian dan memuji paras rupa Nora, menyebabkan Nora amat tertarik dan jatuh cinta kepadanya. Adam kemudiannya meminta Nora menghantar gambar bogelnya atas alasan sangat mengagumi kecantikan tubuh badannya. Pada mulanya Nora enggan melakukannya dan Adam meluahkan rasa kecil hati. Adam memujuk Nora dengan janji bahawa gambar tersebut tidak akan dikongsi dan hanya untuk simpanan dirinya sahaja. Nora bimbang Adam akan memutuskan hubungan mereka sekiranya dia tidak bersetuju. Oleh itu, Nora menghantar gambar bogelnya kepada Adam.

Keadaan berubah selepas Nora menghantar gambarnya. Dia mendapat tahu bahawa Adam sebenarnya seorang lelaki dewasa. Adam mula mengugut untuk mendedahkan dan menyebarkan gambar tersebut kepada keluarga dan rakan Nora sekiranya dia tidak menghantar lebih banyak gambar. Nora berasa terperangkap dan terpaksa menuruti arahan Adam, termasuk melakukan interaksi melalui panggilan video yang memaparkan aksi seksual. Adam pula mengambil kesempatan merakam aksi tersebut. Nora kini berasa sangat tertekan, murung dan mempunyai pemikiran untuk menamatkan hidupnya.

Perbincangan

1. Mengapakah Nora menghantar gambar bogelnya kepada Adam?

2. Bagaimanakah Nora sepatutnya bertindak balas apabila didesak untuk menghantar gambar bogelnya?

3. Apakah yang perlu Nora lakukan dalam situasi ini?

4. Apakah yang boleh kita pelajari daripada Kisah Nora?

Topik 4: Buli Siber dan Dedah Maya (*Doxxing*)

Aktiviti 1: Buli Siber

Objektif Pembelajaran

- Memahami konsep buli siber dan cara menghentikannya.
- Mengetahui kesan buli siber terhadap kanak-kanak.
- Menggalakkan kanak-kanak untuk bersuara menentang buli siber.



Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Video YouTube Keselamatan Siber WCC, *Cyber-bully* dan *Cyber Violence? Beware, Be Safe*.
- Komputer riba, pembesar suara, projektor, kertas mahjong dan pen penanda.



Kaedah

1. Kumpulkan peserta.
2. Tanyakan kepada peserta apakah yang difahami tentang istilah “buli”. Minta mereka memberikan contoh kejadian buli yang pernah dilihat atau diketahui, sama ada di sekolah atau di tempat lain.
3. Tanyakan pendapat mereka tentang mengapa buli berlaku.
4. Seterusnya, terangkan maksud buli siber.
Buli siber adalah perbuatan membuli yang berlaku secara dalam talian dan/atau dengan menggunakan peranti digital seperti telefon bimbit, komputer dan tablet. Buli siber boleh berlaku melalui aplikasi sembang, media sosial, forum atau platform permainan dalam talian. Dalam erti kata lain, ia boleh berlaku di mana-mana platform yang membolehkan orang ramai melihat, mengambil bahagian atau berkongsi kandungan.
5. Maklumkan kepada peserta bahawa mereka akan menonton video mengenai buli siber dan sesi perbincangan akan diadakan selepas tayangan.
6. Mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Cyber-bully* (<https://youtu.be/XPf8T-zFhu8>). Selepas menonton, minta mereka menjelaskan perkara yang difahami daripada video tersebut (peserta seharusnya dapat merumuskan kandungan utama video). Memandangkan video tersebut agak pendek, fasilitator mungkin perlu menayangkannya semula.



7. Seterusnya, ajukan kepada peserta soalan-soalan berikut:
 - a) Pada pandangan anda, apakah perasaan seseorang yang menjadi mangsa buli siber?
 - b) Setelah memahami kesan buli siber, adakah anda berpendapat perbuatan buli itu boleh diterima?
 - c) Apakah yang boleh anda lakukan sekiranya mengetahui seseorang sedang dibuli?
8. Setelah mereka membincangkan pilihan jawapan tentang cara mendapatkan bantuan, mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Cyber Violence? Beware, Be Safe* (<https://youtu.be/oUxbggKtQN8>).
9. Rumuskan sesi dengan menegaskan bahawa semua bentuk buli (fizikal, sosial, lisan dan siber) adalah salah. Tegaskan juga bahawa budaya buli dapat dibendung apabila masyarakat berani bersuara menentang buli serta melaporkan perlakuan buli kepada pihak yang bertanggungjawab.



Aktiviti 2: Kajian Kes (Kisah Daud)

Objektif Pembelajaran

- Memahami maksud buli siber dan bagaimana ia berlaku.
- Mengetahui cara bertindak balas terhadap buli siber dan langkah menanganinya.
- Membentuk tingkah laku dalam talian yang positif dan menghormati orang lain.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekod jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk memaparkan kajian kes dan soalan atau salinan bercetak – gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada peserta sebelum mereka berpeluang memberikan jawapan dan pandangan mereka sendiri). Rujuk Bahagian Perbincangan pada muka surat 54-55.

Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan sesi dengan menerangkan maksud buli siber (rujuk muka surat 14).
4. Baca kajian kes (Kisah Daud) dengan jelas dan edarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan.

5. Minta peserta berbincang dan mencatatkan jawapan mereka.
6. Minta setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.

Kajian Kes: Kisah Daud

Daud merupakan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun yang aktif di media sosial. Dia seorang yang popular serta mempunyai ramai rakan di luar dan dalam talian. Salah seorang rakan sekelasnya, Sam, berasa cemburu terhadap perhatian yang diterima oleh Daud. Sam bertindak mencipta akaun palsu dalam talian untuk menghantar mesej dan komen negatif tentang Daud. Walaupun semua maklumat tersebut adalah fitnah, tetapi sebahagian hantaran itu tetap disebar semula oleh individu lain yang tidak mengenali Daud dengan dekat. Pada mulanya, Daud cuba untuk tidak menghiraukan hantaran palsu tersebut kerana dia tidak mengetahui dalang di sebaliknya. Kadang kala, dia membalas hantaran itu untuk menegaskan bahawa semua tuduhan tersebut adalah tidak benar. Gangguan ini berterusan selama beberapa minggu sehinggalah Sam memuat naik gambar Daud yang disunting secara seksual berserta label 'homoseksual'. Hantaran tersebut benar-benar memburukkan keadaan. Beberapa orang dalam talian dan di sekolah mula menggelar Daud 'homo'. Semakin Daud menafikan perkara tersebut, semakin meluas khabar angin itu tersebar. Tidak lama kemudian, semakin ramai individu mula beramai-ramai membuli dan mengusiknya. Kini, masih ada individu yang menghantar dan berkongsi mesej negatif tentang Daud kepada rakan sekelas yang lain. Akibatnya, Daud mengalami gangguan tidur sehingga berhenti hadir ke sekolah.

Perbincangan

1. Adakah sesiapa pernah menjadi mangsa buli, sama ada secara bersemuka atau dalam talian? Kongsikan perasaan anda.
 - Terokai pelbagai maklum balas daripada para peserta.
2. Mengapakah sesetengah orang terlibat dalam buli siber?
 - Terdapat pelbagai sebab mengapa sesetengah individu menjadi pembuli siber. Ada yang melakukannya untuk membalas dendam, ada yang memperoleh kepuasan apabila melihat orang lain menderita, manakala ada juga yang bosan atau kecewa lalu menggunakan perbuatan tersebut untuk melepaskan perasaan mereka. Sesetengah pembuli siber mungkin pernah mengalami penderaan di rumah dan melepaskan kemarahan mereka kepada orang lain.
 - Ingatlah bahawa kanak-kanak yang menjadi pembuli siber juga mungkin memerlukan sokongan dan bantuan daripada orang dewasa.

3. Apakah yang boleh kita lakukan untuk mencegah buli siber? Bagaimanakah kita boleh mengamalkan tingkah laku yang baik dalam talian?

- Layani orang lain dengan hormat sebagaimana anda ingin dilayan.
- Berhenti dan fikirkan terlebih dahulu sebelum anda memuat naik atau berkongsi pendapat, gambar atau video tentang orang lain dalam talian. Jika perkongsian tersebut menyakiti atau memudaratkan seseorang, jangan melakukannya.
- Jangan menghantar atau berkongsi hantaran yang negatif atau memalukan orang lain, sama ada kandungan tersebut dihantar kepada anda atau yang anda temui dalam talian.
- Jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi anda atau orang lain dalam talian seperti alamat rumah, nombor telefon, nama sekolah atau lokasi semasa.
- Jika anda melihat kejadian buli siber berlaku, bersuaralah untuk mangsa. Mangsa memerlukan sokongan daripada kita.
- Beritahu guru, ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai tentang sebarang kejadian buli siber yang anda saksikan supaya bantuan yang sewajarnya dapat diberikan.

4. Apakah yang perlu Daud lakukan dalam situasi ini?

- **BERHENTI** – Hentikan semua respons terhadap fitnah, khabar angin dan perbuatan buli dalam talian.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkap layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** padamkan komunikasi tersebut kerana ia boleh dijadikan bukti.
- **LAPOR dan SEKAT** – Sekat nombor telefon dan akaun dalam talian pembuli dan dapatkan bantuan ibu bapa untuk melaporkan penderaan kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting pada muka surat 81-88).
- **KATA LALUAN** – Tukar kata laluan bagi semua aplikasi dan akaun dalam talian dengan segera serta gunakan kata laluan yang lebih kukuh.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk menangani trauma yang dialami.

Lembaran Kerja: Buli Siber

Kajian Kes: Kisah Daud

Daud merupakan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun yang aktif di media sosial. Dia seorang yang popular serta mempunyai ramai rakan di luar dan dalam talian. Salah seorang rakan sekelasnya, Sam, berasa cemburu terhadap perhatian yang diterima oleh Daud. Sam bertindak mencipta akaun palsu dalam talian untuk menghantar mesej dan komen negatif tentang Daud. Walaupun semua maklumat tersebut adalah fitnah, tetapi sebahagian hantaran itu tetap disebar semula oleh individu lain yang tidak mengenali Daud dengan dekat. Pada mulanya, Daud cuba untuk tidak menghiraukan hantaran palsu tersebut kerana dia tidak mengetahui dalang di sebaliknya. Kadang kala, dia membalas hantaran itu untuk menegaskan bahawa semua tuduhan tersebut adalah tidak benar. Gangguan ini berterusan selama beberapa minggu sehinggalah Sam memuat naik gambar Daud yang disunting secara seksual berserta label 'homoseksual'. Hantaran tersebut benar-benar memburukkan keadaan. Beberapa orang dalam talian dan di sekolah mula menggelar Daud 'homo'. Semakin Daud menafikan perkara tersebut, semakin meluas khabar angin itu tersebar. Tidak lama kemudian, semakin ramai individu mula beramai-ramai membuli dan mengusiknya. Kini, masih ada individu yang menghantar dan berkongsi mesej negatif tentang Daud kepada rakan sekelas yang lain. Akibatnya, Daud mengalami gangguan tidur sehingga berhenti hadir ke sekolah.

Perbincangan

1. Adakah sesiapa pernah menjadi mangsa buli, sama ada secara bersemuka atau dalam talian? Kongsi perasaan anda.

2. Mengapakah sesetengah orang terlibat dalam buli siber?

3. Apakah yang boleh kita lakukan untuk mencegah buli siber? Bagaimanakah kita boleh mengamalkan tingkah laku yang baik dalam talian?

4. Apakah yang perlu Daud lakukan dalam situasi ini?

Topik 5: Hendap Siber (Cyber-stalking) dan Gangguan Siber (Cyber-harassment)

Aktiviti 1: Hendap Siber

Objektif Pembelajaran

- Meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang hendap siber (*cyber-stalking*).
- Menggalakkan peserta supaya lebih berhati-hati apabila berkongsi maklumat peribadi mereka dalam talian.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Video YouTube Keselamatan Siber WCC, *Cyber-stalking* dan *Cyber Violence? Beware, Be Safe*.
- Komputer riba, pembesar suara, projektor, kertas mahjong dan pen penanda.



Kaedah

1. Kumpulkan peserta.
2. Tanyakan sama ada mereka memahami istilah "hendap siber". Jika mereka menjawab ya, minta mereka menerangkan pemahaman mereka. Jika tidak, terangkan maksud hendap siber kepada mereka.

Hendap siber ialah penggunaan komunikasi elektronik secara berulang untuk menghendap seseorang kanak-kanak dengan tujuan untuk mengganggu atau mengugutnya.

3. Maklumkan kepada peserta bahawa mereka akan menonton sebuah video mengenai hendap siber dan sesi perbincangan akan diadakan selepas tayangan.
4. Mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Cyber-stalking* (<https://youtu.be/9jcDL9EnITA>). Selepas menonton, minta mereka menjelaskan perkara yang difahami daripada video tersebut (peserta seharusnya dapat merumuskan kandungan utama video). Memandangkan video tersebut agak pendek, fasilitator mungkin perlu menayangkannya semula.
5. Seterusnya, ajukan kepada peserta soalan-soalan berikut:
 - a) Apakah empat ciri utama penghendap siber?
 - b) Apakah perasaan seseorang apabila dia menjadi mangsa hendap siber?
 - c) Adakah perbuatan menghendap seseorang dalam talian merupakan satu kesalahan?
 - d) Apakah langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil untuk melindungi diri?
 - e) Apakah yang boleh anda lakukan jika seseorang menghendap anda dalam talian?



6. Setelah mereka membincangkan pilihan jawapan tentang cara mendapatkan bantuan, mainkan video Keselamatan Siber WCC, *Cyber Violence? Beware, Be Safe* ([https://youtu.be/ oUxbggKtQN8](https://youtu.be/oUxbggKtQN8)).
7. Rumuskan sesi dengan menegaskan kepentingan privasi maklumat dalam talian mereka. Tekankan bahawa kita perlu berhati-hati tentang maklumat yang dikongsi dalam talian serta individu yang diterima sebagai rakan atau pengikut di media sosial.



Aktiviti 2: Kajian Kes (Kisah Li Jing)

Objektif Pembelajaran

- Memahami maksud hendap siber dan gangguan siber serta bagaimana keduanya boleh berlaku.
- Mengetahui cara bertindak balas terhadap hendap siber dan gangguan siber.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk memaparkan kajian kes dan soalan atau salinan bercetak sebagai bahan edaran kepada peserta. Gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada peserta sehingga mereka berpeluang memberikan jawapan mereka sendiri). Rujuk Bahagian Perbincangan pada muka surat 59-60.

Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan sesi dengan menerangkan maksud hendap siber dan gangguan siber (rujuk muka surat 17).
4. Baca kajian kes (Kisah Li Jing) dengan jelas dan edarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan.
5. Minta peserta setiap kumpulan berbincang dan mencatatkan jawapan mereka.
6. Minta setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.

Kajian Kes: Kisah Li Jing

Li Jing ialah seorang gadis berusia 16 tahun yang pernah mempunyai teman lelaki setahun yang lalu. Oleh sebab hubungan itu tidak seperti yang diharapkan, Li Jing mengambil keputusan untuk mengakhirinya. Walau bagaimanapun, remaja lelaki itu masih berkeras untuk mengekalkan hubungan mereka. Li Jing bersikap tegas dan menyatakan bahawa hubungan mereka sudah berakhir. Li Jing mula mengelak daripada bertemu dengan bekas teman lelakinya serta tidak menjawab sebarang panggilan telefon mahupun mesejnya.

Tidak lama selepas itu, Li Jing mula menerima mesej WhatsApp daripada nombor yang tidak dikenali. Pada mulanya, individu misteri itu memuji kecantikan serta bakatnya, dan Li Jing tidak kisah sangat tentang perkara tersebut.

Setelah masa berlalu, mesej yang diterima menjadi semakin kerap, malah hampir setiap hari dan nadanya lebih intim. Apabila Li Jing bertanya tentang identiti individu tersebut, balasan yang diterima adalah bahawa pengirim mesej itu seorang 'peminat'. Li Jing akhirnya mengambil tindakan untuk menyekat nombor berkenaan, namun dia mendapati bahawa mesej yang serupa mula dihantar daripada beberapa nombor yang berbeza. Dia mula berasa bimbang kerana individu tersebut seolah-olah mengetahui banyak perkara tentang dirinya. Perkara yang menakutkan Li Jing adalah apabila dia menerima gambarnya yang telah disunting dalam posisi seksual dengan menggunakan imej tubuh badan orang lain. Imej tersebut menunjukkan bahawa wajahnya baru sahaja disunting ke dalam gambar itu. Akibatnya, Li Jing menjadi sangat gelisah, mengalami kesukaran untuk tidur dan tidak dapat menumpukan perhatian di sekolah. Dia juga mula berasa curiga terhadap semua rakan-rakannya.

Perbincangan

- 1. Pernahkah anda mengalami situasi dihendap atau diganggu, sama ada secara bersemuka atau dalam talian? Kongsikan perasaan anda.**
 - Terokai respons yang dikongsi oleh peserta.
- 2. Bagaimanakah kita boleh membezakan antara hendap siber dan gangguan siber dengan komen negatif yang diterima dalam talian?**
 - Sesiapa sahaja boleh menerima komen atau maklum balas negatif dalam talian dari semasa ke semasa. Jika anda mempunyai akaun media sosial yang popular atau mempunyai ramai pengikut, anda mungkin menerima komen negatif dengan lebih kerap.
 - Perbezaannya ialah hendap siber atau gangguan siber berlaku secara berterusan, sering melibatkan akaun yang sama, dan semakin lama semakin serius. Selain itu, individu yang menghendap atau mengganggu secara dalam talian kelihatan mengetahui kehidupan peribadi serta hubungan anda dengan orang lain.

3. Apakah yang perlu Li Jing lakukan dalam situasi ini?

- **BERHENTI** – Hentikan semua komunikasi dengan individu yang melakukan hendap siber atau gangguan siber.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkap layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** padamkan komunikasi tersebut kerana ia boleh dijadikan bukti.
- **LAPOR dan SEKAT** – Sekat akaun dalam talian individu yang melakukan hendap siber (setiap kali akaun baharu muncul) dan dapatkan bantuan ibu bapa untuk melaporkan gangguan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting pada muka surat 81-88). Laporan polis mungkin perlu dibuat.
- **KATA LALUAN** – Tukar kata laluan bagi semua aplikasi dan akaun dalam talian dengan segera serta pastikan kata laluan baharu lebih kukuh.
- **TUKAR** – Pertimbangkan untuk menukar nombor telefon dan alamat e-mel sekiranya gangguan berterusan dan kurangkan perkongsian maklumat peribadi dalam talian bagi mengehadkan maklumat yang boleh diketahui oleh orang lain tentang dirinya.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk menangani trauma yang dialami.

Lembaran Kerja: Hendap Siber dan Gangguan Siber

Kajian Kes: Kisah Li Jing

Li Jing ialah seorang gadis berusia 16 tahun yang pernah mempunyai teman lelaki setahun yang lalu. Oleh sebab hubungan itu tidak seperti yang diharapkan, Li Jing mengambil keputusan untuk mengakhirinya. Walau bagaimanapun, remaja lelaki itu masih berkeras untuk mengekalkan hubungan mereka. Li Jing bersikap tegas dan menyatakan bahawa hubungan mereka sudah berakhir. Li Jing mula mengelak daripada bertemu dengan bekas teman lelakinya serta tidak menjawab sebarang panggilan telefon mahupun mesejnya.

Tidak lama selepas itu, Li Jing mula menerima mesej WhatsApp daripada nombor yang tidak dikenali. Pada mulanya, individu misteri itu memuji kecantikan serta bakatnya, dan Li Jing tidak kisah sangat tentang perkara tersebut.

Setelah masa berlalu, mesej yang diterima menjadi semakin kerap, malah hampir setiap hari dan nadanya lebih intim. Apabila Li Jing bertanya tentang identiti individu tersebut, balasan yang diterima adalah bahawa pengirim mesej itu seorang 'peminat'. Li Jing akhirnya mengambil tindakan untuk menyekat nombor berkenaan, namun dia mendapati bahawa mesej yang serupa mula dihantar daripada beberapa nombor yang berbeza. Dia mula berasa bimbang kerana individu tersebut seolah-olah mengetahui banyak perkara tentang dirinya. Perkara yang menakutkan Li Jing adalah apabila dia menerima gambarnya yang telah disunting dalam posisi seksual dengan menggunakan imej tubuh badan orang lain. Imej tersebut menunjukkan bahawa wajahnya baru sahaja disunting ke dalam gambar itu. Akibatnya, Li Jing menjadi sangat gelisah, mengalami kesukaran untuk tidur dan tidak dapat menumpukan perhatian di sekolah. Dia juga mula berasa curiga terhadap semua rakan-rakannya.

Perbincangan

1. Pernahkah anda mengalami situasi dihendap atau diganggu, sama ada secara bersemuka atau dalam talian? Kongsikan perasaan anda.

2. Bagaimanakah kita boleh membezakan antara hendap siber dan gangguan siber dengan komen negatif yang diterima dalam talian?

3. Apakah yang perlu Li Jing lakukan dalam situasi ini?

Topik 6: Pornografi

Aktiviti: Kajian Kes (Kisah Jason)

Objektif Pembelajaran

- Memahami maksud pornografi dan kesannya terhadap kanak-kanak.
- Mengetahui cara bertindak balas dan berhadapan dengan kandungan seksual yang tidak sesuai.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan maklum balas.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk memaparkan kajian kes dan soalan atau salinan bercetak - gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada peserta sehingga mereka berpeluang memberikan jawapan atau pandangan mereka sendiri). Rujuk Bahagian Perbincangan pada muka surat 63-64.



Kaedah

1. Terangkan objektif pembelajaran kepada peserta.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan sesi dengan menerangkan maksud 'Pornografi' (rujuk muka surat 19).
4. Baca kajian kes (Kisah Jason) dengan jelas dan edarkan lembaran kerja kepada setiap kumpulan.
5. Minta peserta berbincang dan mencatatkan jawapan mereka.
6. Minta setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.

Kajian Kes: Kisah Jason

Jason ialah seorang kanak-kanak lelaki yang berusia 14 tahun. Dia sangat berminat untuk menjadi sebahagian daripada sebuah “geng” yang dianggotai oleh rakan sebaya dan lelaki yang lebih dewasa. Kumpulan ini berinteraksi secara bersemuka di pusat membeli-belah serta aktif dalam talian melalui kumpulan Telegram tertutup. Sebagai syarat penyertaan, pada hari pertama, Jason diminta berkongsi lima imej pornografi atau dua video yang memaparkan wanita melakukan hubungan seks. Disebabkan terlalu ingin untuk diterima masuk, Jason memuat turun bahan tersebut dan berkongsi dalam Telegram. Akhirnya, dia menyertai kumpulan itu. Kini, Jason terdedah kepada pelbagai kandungan lucah yang dikongsi dalam kumpulan tersebut setiap hari. Pada mulanya, Jason merasa terangsang secara seksual dan mula melancap dengan lebih kerap. Lama kelamaan, Jason berasa dirinya hina dan tercemar. Namun begitu, dia masih ingin untuk kekal sebagai sebahagian daripada ahli kumpulan itu dan terus melihat imej pornografi.

Perbincangan

- 1. Pernahkah sesiapa yang menghantar imej bogel (pornografi) kepada anda? Adakah anda pernah secara tidak sengaja melihat imej atau video bogel orang lain dalam talian? Kongsi perasaan anda.**
 - Terokai respons yang dikongsi oleh peserta.
- 2. Apakah kesan yang mungkin berlaku kepada seseorang yang kerap terdedah kepada pornografi?**
 - Bincangkan kesan negatif pornografi terhadap kanak-kanak.
 - Bincangkan bagaimana pornografi boleh mewujudkan persepsi yang negatif serta merendahkan martabat wanita dan kanak-kanak perempuan secara umum.
- 3. Bagaimanakah kita bertindak balas apabila kita menerima bahan-bahan seksual yang eksplisit, dan bagaimanakah kita mengurangkan pendedahan kepada bahan-bahan ini?**
 - Jika anda ingin tahu dan mempunyai soalan mengenai seks dan tubuh badan anda, bincanglah dengan orang dewasa yang dipercayai seperti ibu bapa, guru atau doktor, dan bukannya mencari maklumat daripada sumber dalam talian.
 - Dapatkan bantuan ibu bapa untuk membuat tetapan telefon bimbit atau komputer riba anda supaya carian dalam talian menjadi lebih selamat.
 - Minta ibu bapa atau penjaga membantu menyekat iklan yang tidak sesuai pada peranti anda.
 - Jika anda secara tidak sengaja melihat kandungan pornografi dalam talian, segera tutup halaman tersebut.
 - Beritahu guru, ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai jika seseorang menghantar bahan lucah kepada anda.

Sentiasalah melayan orang lain dengan hormat sebagaimana anda ingin dihormati. Prinsip ini juga terpakai dalam perkongsian kandungan dalam talian.

4. Apakah yang perlu Jason lakukan dalam situasi ini?

- **BERHENTI** – Hentikan akses kepada gambar atau bahan lucah di akaun Telegramnya.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **TINGGALKAN** – Ambil keputusan yang tegas untuk keluar daripada kumpulan Telegram.
- **CARI** – Cari rakan baru yang menggalakkan aktiviti positif serta menghormati nilai diri dan orang lain.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor sekiranya pendedahan kepada kandungan tersebut telah menimbulkan masalah seksualisasi.

Lembaran Kerja: Pornografi

Kajian Kes: Kisah Jason

Jason ialah seorang kanak-kanak lelaki yang berusia 14 tahun. Dia sangat berminat untuk menjadi sebahagian daripada sebuah "geng" yang dianggotai oleh rakan sebaya dan lelaki yang lebih dewasa. Kumpulan ini berinteraksi secara bersemuka di pusat membeli-belah serta aktif dalam talian melalui kumpulan Telegram tertutup. Sebagai syarat penyertaan, pada hari pertama, Jason diminta berkongsi lima imej pornografi atau dua video yang memaparkan wanita melakukan hubungan seks. Disebabkan terlalu ingin untuk diterima masuk, Jason memuat turun bahan tersebut dan berkongsi dalam Telegram. Akhirnya, dia menyertai kumpulan itu. Kini, Jason terdedah kepada pelbagai kandungan lucah yang dikongsi dalam kumpulan tersebut setiap hari. Pada mulanya, Jason merasa terangsang secara seksual dan mula melancap dengan lebih kerap. Lama kelamaan, Jason berasa dirinya hina dan tercemar. Namun begitu, dia masih ingin untuk kekal sebagai sebahagian daripada ahli kumpulan itu dan terus melihat imej pornografi.

Perbincangan

1. Pernahkah sesiapa yang menghantar imej bogel (pornografi) kepada anda? Adakah anda pernah secara tidak sengaja melihat imej atau video bogel orang lain dalam talian? Kongsikan perasaan anda.

2. Apakah kesan yang mungkin berlaku kepada seseorang yang kerap terdedah kepada pornografi?

3. Bagaimanakah kita bertindak balas apabila kita menerima bahan-bahan seksual yang eksplisit, dan bagaimanakah kita mengurangkan pendedahan kepada bahan-bahan ini?

4. Apakah yang perlu Jason lakukan dalam situasi ini?

Topik 7: Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI)

Aktiviti: Kajian Kes (Kisah Sarah)

Objektif Pembelajaran

- Untuk memahami apa itu *deepfake* yang eksplisit secara seksual dan kesannya terhadap kita.
- Untuk mengetahui cara bertindak balas apabila seseorang mencipta *deepfake* seseorang kanak-kanak yang eksplisit secara seksual.

Masa Diperlukan: 45 minit

Bahan

- Papan putih untuk merekodkan jawapan dan respons.
- Kertas untuk aktiviti penulisan.
- Projektor untuk berkongsi kajian kes dan soalan atau salinan bercetak sebagai edaran untuk peserta. Gunakan lembaran kerja yang disediakan (jangan berikan jawapan kepada pelajar sehingga mereka berpeluang memberikan jawapan mereka sendiri). Rujuk Perbincangan pada muka surat 67-68.

Kaedah

1. Maklumkan kepada peserta tentang objektif pembelajaran.
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang peserta.
3. Mulakan dengan berkongsi apa itu *deepfake* yang eksplisit secara seksual (rujuk muka surat 21).
4. Baca kajian kes (Kisah Sarah) dengan jelas dan kongsi lembaran kerja dengan setiap kumpulan.
5. Minta peserta berbincang dan mencatatkan jawapan mereka.
6. Minta setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Bagi menjimatkan masa, setiap kumpulan boleh diberikan satu soalan untuk dijawab, manakala kumpulan lain boleh memberikan pandangan yang berbeza jika ada.

Kajian Kes: Kisah Sarah

Sarah ialah seorang gadis berusia 15 tahun yang aktif di media sosial, terutamanya Tik Tok dan Instagram. Dia sering menyiarkan gambar kegemarannya yang memaparkan dirinya bersama keluarganya di media sosial untuk merakam detik-detik indah dan mengimbuu kenangan manis.

Pada suatu hari, dia menerima satu mesej daripada seorang rakan rapat. Rakan itu bertanya kepada Sarah sama ada dia pernah melihat gambar dirinya yang disiarkan di laman media sosial oleh seorang individu tanpa nama. Sarah klik pautan yang dikongsi dengannya untuk melihatnya. Dia tiba-tiba berasa sukar untuk bernafas, manakala seluruh tubuhnya terasa sejuk. Beberapa gambar bogelnya telah disiarkan dalam talian. Walaupun wajah dalam gambar itu adalah wajahnya, tubuh yang dipaparkan bukanlah tubuhnya. Namun, dia tahu bahawa gambar-gambar itu bukan gambar sebenar. Dia kemudian menyedari bahawa imej deepfake tersebut dihasilkan menggunakan gambar yang dimuat naiknya semasa percutian di pantai baru-baru ini. Dia panik, jantungnya berdegup kencang dan tangannya menggeletar. Dunianya seakan-akan runtuh ketika dia merenung gambar-gambar yang mengerikan itu sambil membayangkan rakan-rakan sekolahnya serta orang lain yang mungkin telah melihatnya.

Selama beberapa hari berikutnya, Sarah tidak dapat makan atau tidur. Setiap notifikasi di telefonnya membuatnya terkejut. Dia berasa sangat malu walaupun dia tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dia sangat takut keluarganya akan melihat gambar-gambar tersebut. Dia berhenti pergi ke sekolah dan memberi beberapa alasan kepada ibu bapanya tentang keadaannya yang tidak sihat. Sarah berasa terperangkap, malu, dan keseorangan dalam mimpi ngeri yang tidak difahaminya. Deepfake bukan sahaja mengubah imejnya, malah telah memusnahkan kedamaian, kepercayaannya, dan rasa selamatnya di dunia.

Perbincangan

1. Adakah sesiapa pernah melihat atau menggunakan imej yang dijana atau disunting oleh AI? Sila kongsi pengalaman anda.

- Terokai respons yang dikongsi oleh peserta.

2. Adakah OK atau tidak untuk menghasilkan deepfake bogel orang lain – walaupun kandungannya palsu?

- Terangkan bahawa setiap orang mempunyai hak privasi, autonomi badan dan integriti seksual. Deepfake bogel sering dihasilkan oleh rakan sebaya. Hal ini adalah aktiviti jenayah dan tindakan boleh diambil terhadap orang yang menghasilkan atau menyiarkan imej deepfake di bawah undang-undang Malaysia. Nyatakan juga bahawa kita tidak boleh menghasilkan bahan janaan AI yang memaparkan orang lain tanpa kelulusan eksplisit mereka.

3. Pada pendapat anda, bagaimanakah *deepfake* yang bersifat seksual memberi kesan kepada orang yang imejnya telah digunakan? Apakah perasaan anda jika ada yang menyiarkan imej *deepfake* bogel anda?

- *Deepfake* yang bersifat seksual memberi kesan yang mendalam kepada mangsa. Mereka rasa dicabul, hilang maruah, rasa terasing (tidak tahu siapa yang boleh dipercayai) dan rasa tidak selamat. Ia merosakkan hubungan mereka dalam masyarakat dan mereka takut mereka akan dipersalahkan atas apa yang telah berlaku. Kebanyakannya mengalami kegelisahan dan kemurungan yang serius dan ada yang mencederakan diri sendiri.

4. Bagaimanakah Sarah harus menangani imej *deepfake* bogelnya?

- **BERHENTI** – Jangan balas siaran dalam talian *deepfake*.
- **BERITAHU** – Beritahu seseorang yang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkapan layar (*screenshot*) dan simpan semua komunikasi. Walaupun ini menyakitkan dan mengingatkan tentang penderaan, ia penting untuk disimpan sebagai bukti.
- **LAPORKAN** – Dapatkan bantuan ibu bapa untuk melaporkan penderaan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan (rujuk Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting pada muka surat 81-88). Laporan polis adalah diperlukan.
- **UBAH** – Pertimbangkan untuk mengubah tingkah laku memuat naik siaran dalam talian (kurangkan siaran imej diri sendiri) dan hadkan akses kepada siaran yang lebih peribadi.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk menangani trauma yang dialami.

5. Bagaimanakah keluarga, kawan dan rakan sekelas boleh menyokongnya?

- Kita perlu memberi sokongan kepada Sarah dan keluarganya. Ingatkan dia bahawa itu bukan salahnya. Galakkan dia untuk hadir ke sekolah dan terus mengekalkan hubungan kita dengannya. Pihak berkuasa harus sentiasa memaklumkan Sarah dan keluarganya tentang tindakan yang sedang diambil.

Lembaran Kerja: Kecerdasan Buatan Generatif

Kajian Kes: Kisah Sarah

Sarah ialah seorang gadis berusia 15 tahun yang aktif di media sosial, terutamanya Tik Tok dan Instagram. Dia sering menyiarkan gambar kegemarannya yang memaparkan dirinya bersama keluarganya di media sosial untuk merakam detik-detik indah dan mengimbuai kenangan manis.

Pada suatu hari, dia menerima satu mesej daripada seorang rakan rapat. Rakan itu bertanya kepada Sarah sama ada dia pernah melihat gambar dirinya yang disiarkan di laman media sosial oleh seorang individu tanpa nama. Sarah klik pautan yang dikongsi dengannya untuk melihatnya. Dia tiba-tiba berasa sukar untuk bernafas, manakala seluruh tubuhnya terasa sejuk. Beberapa gambar bogelnya telah disiarkan dalam talian. Walaupun wajah dalam gambar itu adalah wajahnya, tubuh yang dipaparkan bukanlah tubuhnya. Namun, dia tahu bahawa gambar-gambar itu bukan gambar sebenar. Dia kemudian menyedari bahawa imej deepfake tersebut dihasilkan menggunakan gambar yang dimuat naiknya semasa percutian di pantai baru-baru ini. Dia panik, jantungnya berdegup kencang dan tangannya menggeletar. Dunianya seakan-akan runtuh ketika dia merenung gambar-gambar yang mengerikan itu sambil membayangkan rakan-rakan sekolahnya serta orang lain yang mungkin telah melihatnya.

Selama beberapa hari berikutnya, Sarah tidak dapat makan atau tidur. Setiap notifikasi di telefonnya membuatnya terkejut. Dia berasa sangat malu walaupun dia tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dia sangat takut keluarganya akan melihat gambar-gambar tersebut. Dia berhenti pergi ke sekolah dan memberi beberapa alasan kepada ibu bapanya tentang keadaannya yang tidak sihat. Sarah berasa terperangkap, malu, dan keseorangan dalam mimpi ngeri yang tidak difahaminya. Deepfake bukan sahaja mengubah imejnya, malah telah memusnahkan kedamaian, kepercayaan, dan rasa selamatnya di dunia.

Perbincangan

1. Adakah sesiapa pernah melihat atau menggunakan imej yang dijana atau disunting oleh AI? Sila kongsi pengalaman anda.

2. Adakah OK atau tidak untuk menghasilkan deepfake bogel orang lain – walaupun kandungannya palsu?

3. Pada pendapat anda, bagaimanakah *deepfake* yang bersifat seksual memberi kesan kepada orang yang imejnya telah digunakan? Apakah perasaan anda jika ada yang menyiarkan imej *deepfake* bogel anda?

4. Bagaimanakah Sarah harus menangani imej *deepfake* bogelnya?

5. Bagaimanakah keluarga, kawan dan rakan sekelas boleh menyokongnya?

Lampiran 1: Tanda Amaran – Panduan untuk Kanak-kanak Kekal Selamat dalam Talian

Bagaimanakah anda dapat mengetahui sama ada seseorang yang ditemui dalam talian boleh dipercayai? Sentiasa percaya pada naluri dan gerak hati anda. Jika anda berasa tidak selesa, beritahulah orang dewasa yang dipercayai.

Berikut ialah tanda amaran  yang mungkin menunjukkan bahawa sesuatu interaksi dalam talian tidak selamat, iaitu apabila seseorang dalam talian tersebut:

-  Selalu memuji anda, terutamanya penampilan anda (contohnya, “anda kelihatan sangat cantik” atau “anda sangat kacak”).
-  Cuba mengalihkan komunikasi daripada ruang awam kepada komunikasi secara peribadi (*one-to-one*).
-  Meminta anda merahsiakan hubungan atau komunikasi tersebut.
-  Ingin mengetahui maklumat peribadi anda dan meminta butiran seperti alamat rumah, nombor telefon atau maklumat lain.
-  Ingin menghantar hadiah kepada anda.
-  Meminta gambar intim (iaitu gambar yang tidak berpakaian atau yang menunjukkan bahagian sulit tubuh anda).
-  Mengajak anda bertemu secara bersemuka.



Apakah yang Perlu Dilakukan Jika Menghadapi Situasi Berisiko?

Berikut ialah langkah-langkah segera yang boleh anda ambil:

- **BERHENTI** – Hentikan semua komunikasi dengan pelaku atau pembuli dan jangan memenuhi sebarang permintaan lanjut.
- **BERITAHU** – Beritahu orang dipercayai seperti ibu bapa atau orang dewasa lain (contohnya guru atau doktor).
- **REKODKAN** – Ambil tangkapan layar (*screenshot*) dan simpan rekod semua komunikasi. **Jangan** padamkan komunikasi tersebut kerana ia boleh dijadikan bukti.
- **SEKAT** – Sekat nombor telefon dan akaun dalam talian pelaku. Jika perlu, tukarkan nombor telefon dan alamat e-mel.
- **LAPORKAN** – Dapatkan bantuan ibu bapa atau orang dewasa yang dipercayai untuk melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, laporkan juga akaun dalam talian yang terlibat kepada platform yang berkenaan.
- **KATA LALUAN** – Tukar kata laluan bagi semua aplikasi dan akaun dalam talian dengan segera serta pastikan kata laluan baharu lebih kukuh.
- **TERAPI** – Dapatkan bantuan profesional daripada kaunselor atau pakar yang berkaitan untuk membantu menangani trauma yang dialami.

Lampiran 2: Undang-undang Berkaitan Keganasan Siber dan Jenayah Seksual Kanak-kanak

Matlamat undang-undang adalah untuk menghukum dan memulihkan pesalah supaya mereka tidak mengulangi kesalahan tersebut. Apabila mangsa membuat laporan polis, tindakan tersebut bertujuan untuk membantu mangsa mendapatkan keadilan bagi kesalahan yang dilakukan terhadapnya. Walaupun mangsa mungkin tidak mendapat sebarang pampasan kewangan melalui proses pendakwaan jenayah, tindakan undang-undang penting untuk menghentikan penderaan berterusan terhadap mangsa dan mencegah pelaku daripada mendera kanak-kanak lain.

Kanun Keseksaan

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
292	Menjual, mengedarkan, mengeluarkan, memiliki, dan sebagainya apa-apa bentuk bahan lucah.	Penjara maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.
293	Menjual, mengedarkan, menyebarkan, dan sebagainya apa-apa bentuk bahan lucah kepada mana-mana individu di bawah umur 20 tahun.	Penjara maksimum 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.
377CA	Perhubungan seks menggunakan apa-apa objek ke dalam faraj atau dubur seseorang tanpa persetujuan.	Penjara minimum 5 tahun, maksimum 30 tahun dan sebat.
377D	Melanggar kesopanan.	Penjara maksimum 2 tahun.
503, 506 & 507	Mengugut orang lain dengan apa-apa kecederaan terhadapnya, reputasi atau harta benda dengan niat untuk menimbulkan ketakutan kepada orang tersebut, termasuk melalui komunikasi tanpa nama.	Penjara maksimum 2 tahun atau denda atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, penjara maksimum 2 tahun jika menggunakan komunikasi tanpa nama.
507A	Menghendap (Sesiapa yang berulang kali terlibat dalam gangguan, dengan niat atau mengetahui bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesulitan, ketakutan, atau kebimbangan tentang keselamatan seseorang).	Penjara maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.
507B	Menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan.	Penjara selama maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.

507C	Menyebabkan gangguan, distres, ketakutan, atau kebimbangan terhadap seseorang yang mungkin menghadapi gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan.	Penjara selama maksimum 1 tahun atau denda atau kedua-duanya.
507D(1)	Menyebabkan seseorang percaya bahawa kemudaran bakal berlaku.	Penjara maksimum 1 tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.
507D(2)	Menyebabkan seseorang percaya bahawa kemudaran bakal berlaku, dan jika orang yang diprovokasi itu cuba membunuh diri atau membunuh diri akibat provokasi.	Penjara selama maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya.
507E	Menerbitkan, mengedarkan atau menyediakan apa-apa maklumat identiti yang boleh menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan.	Penjara maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya.
507F	Menerbitkan, mengedarkan atau menyediakan apa-apa maklumat identiti yang boleh menyebabkan seseorang percaya bahawa kemudaran bakal berlaku; atau berbuat demikian dengan cara yang berkemungkinan memudahkan kemudaran terhadap seseorang atau orang yang berkaitan dengannya.	Penjara selama maksimum 1 tahun atau denda atau kedua-duanya.
507G	Definisi “bahaya”, “maklumat identiti” dan “orang yang berkaitan” (berkaitan dengan Seksyen 507D, 507E dan 507F). Mudarat bermaksud bahaya kepada badan, minda, reputasi atau harta benda seseorang, termasuk bahaya psikologi. Maklumat identiti bermaksud sebarang maklumat yang mengenal pasti atau mendakwa mengenal pasti seseorang. Orang yang berkaitan bermaksud, berhubung dengan seseorang, keselamatan atau kesejahteraan mana-mana orang yang secara munasabah dijangka menjadi kebimbangan kepada orang yang disebut terlebih dahulu.	Rujuk Seksyen 507D, 507E dan 507F.
509	Perkataan atau isyarat dengan niat mengaibkan kehormatan seseorang.	Penjara maksimum 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Akta Kanak-kanak 2001

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
15	Sekatan ke atas laporan dan penyiaran media. Di bawah Akta ini, media tidak boleh mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan atau memasukkan apa-apa butiran mangsa yang boleh membawa kepada pengenalpastian mana-mana kanak-kanak yang terlibat dalam prosiding mahkamah jenayah, termasuk peringkat siasatan.	Boleh dipenjarakan maksimum 5 tahun atau didenda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya.
27, 28, 29	Kewajipan untuk memaklumkan – Mana-mana pegawai perubatan atau pengamal perubatan, anggota keluarga atau pengasuh kanak-kanak yang mempercayai kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal atau emosi akibat dianiaya, diabaikan, dibuangkan, didedahkan kepada bahaya atau didera secara seksual hendaklah segera memaklumkan perkara tersebut kepada seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat.	Jika gagal lapor, boleh dipenjarakan maksimum 2 tahun atau didenda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya.
29A	Kewajipan untuk memaklumkan – Mana-mana individu selain dinyatakan dalam seksyen 27, 28 & 29, yang mempunyai alasan untuk mempercayai seseorang kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal atau emosi akibat dianiaya, diabaikan, dibuangkan, didedahkan kepada bahaya atau didera secara seksual, boleh memaklumkan perkara tersebut kepada seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat.	Tiada hukuman.
31(1)	Penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak kepada bahaya. Mana-mana orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang – a) menganiaya, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak tersebut dalam bahaya, atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi ke atas kanak-kanak itu; atau b) menganiaya kanak-kanak secara seksual atau menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian.	Boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, mungkin diperintahkan untuk menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan melaksanakan khidmat masyarakat.

32	Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis atau menjalankan aktiviti menyalahi undang-undang – Mana-mana individu yang menggunakan kanak-kanak untuk menjalankan aktiviti tersebut akan dihukum.	Boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya. Sebagai tambahan, mungkin diperintahkan untuk menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan melaksanakan khidmat masyarakat.
116	Mana-mana individu yang memberikan sebarang maklumat bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan tidak menanggung apa-apa liabiliti atas sebab fitnah atau apa-apa tuntutan lain. Tindakan memberikan maklumat tersebut juga tidak dianggap sebagai pelanggaran etiket profesional atau etika atau percanggahan daripada standard tingkah laku profesional yang diterima.	Tiada hukuman.

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017

Akta ini memperuntukkan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang sebelum ini tidak dilindungi secukupnya oleh Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-kanak.

Antara kesalahan-kesalahan baharu yang diperuntukkan di bawah Akta ini termasuk kesalahan berkaitan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak, serta amang seksual fizikal dan bukan fizikal terhadap kanak-kanak. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan tersebut juga telah dipertingkatkan.

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
5	Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.	Penjara maksimum 30 tahun dan minimum 6 sebatan.
6	Membuat persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.	Penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga disebat.
7	Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahkan pembuatan atau penghasilan, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.	Penjara maksimum 20 tahun dan minimum 5 sebatan.
8	Bertukar-tukar, menerbitkan, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.	Penjara maksimum 15 tahun dan minimum 3 sebatan.
9	Menjual, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak kepada kanak-kanak.	Penjara maksimum 15 tahun dan minimum 5 sebatan.
10	Mengakses, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.	Boleh dipenjarakan maksimum 5 tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya.
11	Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak (kecuali bagi maksud pendidikan, sains atau perubatan).	Penjara maksimum 3 tahun.
12	Pengantunan kanak-kanak.	Penjara maksimum 5 tahun dan boleh juga disebat.
13	Berjumpa selepas pengantunan kanak-kanak.	Penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga disebat.
14	Amang seksual fizikal atas kanak-kanak.	Penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga disebat.

15	Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak. Contohnya, menyuruh kanak-kanak tersebut menunjukkan badannya kepada seseorang untuk tujuan seksual.	Penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.
15A	Persembahan seksual oleh kanak-kanak.	Penjara maksimum 20 tahun dan denda maksimum RM50,000.
15B	Pemerasan seksual kanak-kanak.	Penjara maksimum 10 tahun.
16	Jika seseorang yang mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak melakukan kesalahan yang di bawah Akta ini, hukuman akan menjadi lebih berat. Orang yang mempunyai hubungan amanah termasuk: a) ibu atau bapa/penjaga/saudara b) pengasuh c) guru/pensyarah/warden d) penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan e) jurulatih f) penjawat awam	Tambahan hukuman penjara maksimum 5 tahun dan minimum 2 sebat.
19	Kegagalan memberikan maklumat. Mana-mana orang yang gagal memberikan maklumat tentang mana-mana kesalahan penganiayaan seksual kanak-kanak kepada pegawai polis di balai berdekatan adalah suatu kesalahan.	Boleh didenda maksimum RM5,000.
25	Peruntukan mengenai hukuman sebat: Jika seseorang yang disabitkan kesalahan di bawah Akta ini ialah seorang lelaki berumur lebih 50 tahun.	Masih boleh dihukum dengan hukuman sebat.
26	Kaunseling pemulihan.	Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dikenakan, memerintahkan suatu tempoh kaunseling pemulihan terhadap orang yang disabitkan atas kesalahan itu dalam tempoh penahanannya.

27	Pengawasan polis.	Apabila seseorang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya dia diletakkan di bawah pengawasan polis bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 3 tahun sebaik selepas habis tempoh hukuman yang dijatuhkan terhadapnya.
----	-------------------	---

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
211	Kandungan yang sumbang, lucah, palsu atau jelik melampau (oleh pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan).	Penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM1 juta atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak RM100,000 bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.
233	Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian untuk menghantar kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut, mengganggu atau melakukan kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran terhadap mana-mana orang.	Penjara maksimum 2 tahun atau denda maksimum RM500,000 atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Di mana kesalahan dilakukan terhadap seseorang kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun, pelaku yang disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan hingga 5 tahun atau didenda sehingga RM500,000 atau kedua-duanya, dengan denda tambahan sebanyak RM5,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Di mana terdapat komunikasi lucah bagi tujuan komersial, pelaku yang disabitkan boleh dipenjarakan sehingga 5 tahun atau didenda sehingga RM1 juta atau kedua-duanya, dengan denda tambahan sebanyak RM10,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Akta Keselamatan dalam Talian 2025

Akta Keselamatan dalam Talian 2025 bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan keselamatan dalam talian di Malaysia dengan mengawal selia kandungan memudaratkan dan memperuntukkan kewajipan dan obligasi ke atas pemberi perkhidmatan aplikasi, pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan dan pemberi perkhidmatan rangkaian.

Akta ini mentakrifkan yang berikut sebagai kandungan memudaratkan:

1. Kandungan mengenai bahan penganiayaan seksual kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.
2. Kandungan mengenai fraud kewangan.
3. Kandungan lucah termasuk kandungan yang boleh menimbulkan rasa jijik kerana gambaran yang memberahikan yang boleh menyinggung adab kesopanan dan kehormatan seseorang.
4. Kandungan sumbang termasuk kandungan yang bersifat tidak senonoh, tidak sopan dan bertentangan dengan kelakuan atau budaya yang diterima umum.
5. Kandungan yang boleh menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan melalui perkataan atau komunikasi atau perbuatan mengugut, menghina atau mencela.
6. Kandungan yang boleh mengapi-apikan keganasan atau terorisme.
7. Kandungan yang boleh mendorong seseorang kanak-kanak untuk menyebabkan kemudaratan kepada dirinya.
8. Kandungan yang boleh mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan dalam kalangan orang awam amnya atau boleh mengganggu ketenangan orang awam.
9. Kandungan yang menggalakkan penggunaan atau penjualan dadah berbahaya.

Daripada kandungan ini, kandungan mengenai bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dan fraud kewangan ditakrifkan sebagai kandungan memudaratkan prioriti.

**Nota: Mulai 1 Jun 2026, platform media sosial wajib mengesahkan umur pengguna. Kanak-kanak di bawah umur 16 tahun tidak dibenarkan mendaftar. Inisiatif ini adalah untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi dalam talian.*

Akta ini juga mengenakan beberapa kewajipan ke atas pemberi perkhidmatan aplikasi (*Applications Service Providers* atau ASP) dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan (*Content Applications Service Providers* atau CASP), yang merangkumi:

SEKSYEN	KEWAJIPAN ASP DAN CASP
13	Kewajipan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada kandungan memudaratkan
14	Kewajipan untuk mengeluarkan garis panduan kepada pengguna
15	Kewajipan untuk membolehkan pengguna mengurus keselamatan dalam talian
16	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi pelaporan kandungan memudaratkan tersedia
17	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi bantuan pengguna tersedia
18	Kewajipan untuk melindungi keselamatan dalam talian pengguna kanak-kanak
19	Kewajipan untuk mengadakan mekanisme bagi menjadikan kandungan memudaratkan prioriti tidak dapat diakses
20	Kewajipan untuk menyediakan Pelan Keselamatan dalam Talian

Ketidakpatuhan kewajipan boleh menyebabkan penalti kewangan sehingga RM10 juta.

Akta ini juga menggariskan mekanisme pelaporan kandungan memudaratkan.

SEKSYEN	MEKANISME PELAPORAN
21	Laporkan kepada pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen.
22	Laporkan kepada pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen mengenai kandungan memudaratkan prioriti.
23	Laporkan kepada pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen mengenai kandungan memudaratkan.
24	Laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
25	Laporan kepada SKMM mengenai kandungan memudaratkan.

Di bawah Akta ini, Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian ditubuhkan untuk menasihati dan memberi cadangan kepada SKMM mengenai perkara berkaitan keselamatan dalam talian.

Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Tribunal Rayuan Keselamatan dalam Talian yang ditubuhkan untuk mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh SKMM di bawah Akta tersebut.

Lampiran 3: Maklumat Perhubungan Penting

Berikut ialah senarai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan bantuan, perlindungan dan sokongan berkaitan kesejahteraan serta keselamatan kanak-kanak. Sila ambil maklum bahawa bukan semua organisasi menyediakan sokongan secara langsung atau perkhidmatan rujukan kepada agensi kerajaan; sesetengah organisasi hanya menawarkan khidmat nasihat dan kaunseling. Kebanyakan perkhidmatan yang disenaraikan di sini menawarkan perkhidmatan secara percuma. Sila semak dengan organisasi berkenaan, atau laman web mereka untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.

AGENSI KERAJAAN

Talian Kasih

Talian: 15999

WhatsApp: 019-261 5999

Aplikasi mudah alih: Aplikasi Talian Kasih

Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia

Hotline (waktu pejabat sahaja): 1800-188-030

E-mel: aduanskmm@mcmc.gov.my

Aduan dalam talian: <https://aduan.skmm.gov.my>

Portal Aduan Buli oleh Kementerian Pendidikan

Nombor pejabat: 03-8884 9325

Telefon dan WhatsApp: 014-800 9325

SISPAA (aduan dalam talian): <https://moe.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

Laman web: <https://aduanbuli.moe.gov.my/>

Nota: Saluran aduan ini hanya menerima aduan berkaitan buli yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan sahaja.

BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGOs)

Women's Centre for Change (WCC)

241 Jalan Burma, 10350 Penang.

Tel: 04- 228 0342 / 011-3108 4001

E-mel: wcc@wccpenang.org

Laman web: wccpenang.org

Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)

13 Lorong Sutera 6, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Penang.

Tel: 04-398 8340 / 016-439 0698

E-mel: ppw@wccpenang.org

All Women's Action Society (AWAM)

85, Jalan 21/1, Sea Park, 46300 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7877 4221

Talian bantuan telenita: 016-237 4221 / 016-228 4221

E-mel: awam@awam.org.my

Laman web: awam.org.my

Advocates for Non-discrimination and Access to Knowledge (ANAK)

Beverly Hills Plaza, Jalan Bundusan, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel/WhatsApp: 014-670 0309

E-mel: hello@anaksabah.org

Laman web: www.anaksabah.org

Bar Council Child Rights Committee

E-mel: pad@malaysianbar.org.my

Laman web: www.malaysianbar.org.my

Bar Council Legal Aid Centre

Tel Selangor: 03-5510 7007

Tel KL: 03-2691 1121 / 03-2692 1122

Tel Penang: 04-261 7451

Laman web: www.malaysianbar.org.my

Befrienders Kuala Lumpur

E-mel: sam@@befrienders.org.my

Laman web: www.befrienders.org.my

Befrienders Penang

Blok 104 – 1A, Mewah Court, Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim, 11600 Penang.

Tel: 04-291 0100

WhatsApp: 011-5670 6261

E-mel: pat@befpen.org

Laman web: www.befpen.org

Befrienders Kota Kinabalu

Tel: 088-335 793

E-mel: befrienderskk@gmail.com

Befrienders Kuching

P.O Box 19, Pejabat Pos Besar, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93670 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-242 800

E-mel: sam@befrienderskch.org.my

Bodhi Counselling, Kuching Buddhist Society

Lot 1912, Q130A, Iris Grden, 93200 Kuching, Sarawak.

Tel: 082-256 428 / 082-256 429 / 011-6330 5990 (dengan temu janji sahaja)

E-mel: putifudao@gmail.com

Laman web: <http://counselling.kbs.org.my>

Buddhist Gem Fellowship (Gem Helpline)

Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan emosi secara percuma

D-G-2, Block D, Taipan 1, Jalan PJU 1A/3K, Ara Damansara,
47500 Petaling Jaya, Selangor.

Talian Gem: 011-2528 9610 / 011-5994 4384

Instagram: @gem.helpline

Buddy Bear (Human Kind)

Menyediakan sokongan emosi dan psikososial untuk kanak-kanak (6 hingga 18 tahun)

Talian bantuan: 1-800-18-2327

Instagram: @buddybear.humankind

Calvary Life Ministries

4, Jalan Damansara Endah, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2095 6360

E-mel: clm@clm.org.my

Laman web: <https://www.clm.org.my/counselling.html>

Childline Foundation

2, Jalan SS3/52, Sungai Way Subang, 47300 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 016-333 4228

Laman web www.childlinefoundation.com

CRIB (Child Rights Innovation & Betterment) Foundation

Tel: 012-385 5451 / 012-607 5990

E-mel: crib.foundationmy@gmail.com

Facebook: CRIB Foundation

Eden Community Service Center

11-1, Jalan Bakar Sampah, 86000 Kluang, Johor.

Tel: 018-376 0601

Laman web: <http://eden.org.my/>

Emmaus Centre of Counselling, Church of St Francis Xavier

Tel: 03-7957 7136

WhatsApp: 014-669 1516

E-mel: emmauscounselor.sfx@gmail.com

Laman web: <http://sfx.com.my/>

Family Empowerment Society (FAME)

E-mel: familyempowerment.info@gmail.com

Instagram: @fame.malaysia

Global Shepherds Headquarters

Tel: 03-4265 1749

E-mel: info@globalshepherds.my

Laman web: globalshepherds.my

Global Shepherds Keningau

Lot 188, Lorong 2G, Taman Jutaya 2, Jalan Apin-Apin, 89000 Keningau, Sabah.

Talian: 019-260 6397

Global Shepherds Kota Kinabalu

No. 529, Off Jalan Tuaran Road, Likas, 88000 Kota Kinabalu, Sabah.

Global Shepherds Sandakan

Rumah Orchid CL75095055, Jalan Cecily, 90000 Sandakan, Sabah.

Talian: 012-321 1698

Good Shepherd

Ibu Pejabat KL: c/o Villamaria Good Shepherd, Lorong Setiabistari 2, Medan Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 012-775 3020

E-mel: info@goodshepherd.my

Laman web: goodshepherd.my/EN/home

Good Shepherd Ipoh

34, Jalan Wayang, Taman Pertama, 30100 Ipoh, Perak.

Tel: 05-242 0388

Good Shepherd Sabah

Walai Good Shepard

529, Mile 3.5, Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel: 088-652 410

Youth-PREP Centre

Lot.25, First Floor, Block E Phase, 2, Alamesra, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 014-866 0224

Internet Watch Foundation (IWF) Malaysia

Portal pelaporan: https://report.iwf.org.uk/my_en/

Johor Women's League (JEWEL)

Tel: 011-6118 8913 / 016- 253 5226
E-mel: info.jewelmalaysia@gmail.com
Laman web: jewelmalaysia.org

Justice for Sisters

E-mel: info@justiceforsisters.org
Website: <https://justiceforsisters.org/en/>

KawanBAH Careline

Tel: 012-775 3020
WhatsApp: 012-775 3020

KRYSS Network

107A-A, Block A, Ground Floor, Jalan SS2/72, 47300 Petaling Jaya, Selangor.
Instagram: [@kryssnetwork](https://www.instagram.com/kryssnetwork)

Life Line Association Malaysia

No. 1-3, 3rd Floor, Jalan Jelatek 1, Pusat Perniagaan Jelatek, Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4266 6195 (Admin)
Talian kaunseling: 15995
E-mel: counselling@lifeline.org.my
Laman web: lifeline.org.my

Malaysian Mental Health Association

8, Jalan 4/33, Off Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-2780 6803/ 017-613 3039
E-mel: admin@mmha.org.my
Laman web: www.mmha.org.my

Malaysians Against Pornography

E-mel: malaysiansagainstpornography@gmail.com
Laman web: <http://malaysiansagainstpornography.com/>

Mental Health Association of Sarawak

Tel: 016-976 4623
E-mel: counselling@mhasarawak.com
Laman web: mhasarawak.com

New Era College Counselling Centre

Block C, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang, Selangor.

Tel: 03-8740 6392 / 03-8210 3709

E-mel: counselling@newera.edu.my

Laman web: www.newera.edu.my/counselling_centre/index_e.php

Perak Women for Women (PWW)

15, Market Street, 30000 Ipoh, Perak.

E-mel: perakwomenforwomen@gmail.com

Facebook: Perak Women for Women

Protect and Save the Children (P.S. The Children)

Suite E-10-21, Level 10, Menara Melawangi, Amcorp Mall, Amcorp Trade Centre,
No. 18 Jalan Persiaran Bart, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

WhatsApp: 018-236 3252

E-mel: protect@psthechildren.org.my

Laman web: psthechildren.org.my

Purple Lily

Changlin Park, Jalan Tabuan, 93100 Kuching.

Tel: 082-295 180 / 082-231 803

WhatsApp: 019-874 1251

E-mel: purplelily.kuching@gmail.com

Laman web: purplelily.org

Rahmah Support Team

No. 1, Jalan Bukit Bintang, Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Tel: 018-354 2293

E-mel: rahmah.centre24@gmail.com

Facebook: Rahmah Support Team -RST

Sarawak Women for Women Society (SWWS)

Unit 16, Level 4, La Promenade Mall 2, Hock Seng Lee Tower,
Kuching-Samarahan Expressway, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

Tel: 082-368 853 / 013-804 4285

Talian Krisis SWWS: 016-582 2660

E-mel: info@sarswws.org

Laman web: sarswws.org

Shelter Home for Children

No 2, Lorong Timur, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7955 0663

WhatsApp: 011-2611 0663

E-mel: office@shelterhome.org

Laman web: www.shelterhome.org

SIS Forum (Malaysia)

No. 4 Lorong 11/8E, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7960 3357 / 5121 / 6733

E-mel: sis@sistersinislam.org.my

Laman web: sistersinislam.org

Sneham Malaysia Welfare Association

Bahasa utama yang digunakan ialah Bahasa Tamil

(juga terdapat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)

Tel: 1-800-22-5757 (bebas tol)

E-mel: snehammalaysia@gmail.com

Facebook: Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia

SUKA Society

PO Box 013 Jalan Sultan, 46700 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7877 4227

E-mel: enquiry@sukasociety

Laman web: www.sukasociety.org

Tenaganita

12, Jalan 6/11, Seksyen 6, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7770 3671 / 3691

Talian: 012-335 0512 / 012-339 5350 (24hrs untuk kecemasan)

E-mel: general@tenaganita.net

Laman web: tenaganita.net

Thrive Well

Unit L5-11, Wisma BU8, No. 11, Lebuhr Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 018-900 3247

E-mel: info@thethrive.center

Laman web: <https://www.thethrive.center/>

Than Hsiang Mitra Welfare Center – KL (Mitriline)

196, Batu 3 1/4, Jalan Klang Lama, 58000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7971 9876

WhatsApp: 011-3601 8303

Talian bantuan: 03-7981 5300 / 03-7981 5301

E-mel: mitrklcounselling@gmail.com

Laman web: <https://kl.thanhxiang.org/mitra-welfare-center/mitriline/>

Than Hsiang Mitra Welfare Center Penang (Mitriline)

132, Jalan Sultan Azlan Shah, 11900 Bayan Lepas 11900 Bayan Lepas, Penang.

Tel: 04-313 1141 (temu janji kaunseling dan bantuan kebajikan)

Talian bantuan: 04-642 9429

Facebook: Than Hsiang Mitra Welfare Center Penang

The Bridge Communication

40, Lorong 6E/91, Taman Shamelin Perkasa, Batu 3 1/2, Jalan Cheras,
56100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-9286 4046

WhatsApp: 017-901 6782

E-mel: b_counsel@yahoo.com

Laman web: <https://bridge.org.my/>

Voice of the Children

Facebook: Voice of the Children

Women's Aid Organisation (WAO)

P.O.Box 493, Jalan Sultan 46760 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-7957 5636

Hotline: 03-3000 8858

SMS/WhatsApp TINA: 018-988 8058 (24hrs)

E-mel: info@wao.org.my

Laman web: wao.org.my

Yayasan Chow Kit

No. 19, Jalan Belia, Off Jalan Tunku Abdul Rahman, 50350 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2602 0892

E-mel: admin@yck.org.my

Laman web: <https://yck.org.my/>

Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM) PELITA Psychological Unit

9, Jalan SS25/24, Taman Mayang, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Hotline: 03-2022 5505

E-mel: pelita@ybam.org.my

Laman web: <http://www.ybam.org.my>



PPM-012-07-07011985

Pusat Kesedaran Wanita (WCC) adalah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang bermatlamat untuk membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak serta mempertingkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

Ditubuhkan pada tahun 1985, kami menyediakan perkhidmatan kaunseling, sokongan mahkamah dan rujukan ke tempat perlindungan sementara. WCC juga menjalankan program seranta di sekolah dan komuniti, dan melaksanakan kerja advokasi untuk pembaharuan undang-undang dan dasar yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak.



Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) telah ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai kerjasama pintar antara WCC dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana kerajaan negeri memperuntukkan geran tahunan untuk WCC bagi menguruskan operasi PPW di Seberang Perai.



WCC adalah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan, dikecualikan cukai dan bergantung sepenuhnya kepada derma dan penajaan untuk menyokong kerja kami. Kami mengalu-alukan sumbangan.

Pusat Kesedaran Wanita
CIMB 860 1023057

**Sebarang sumbangan RM50 dan ke atas akan dikeluarkan resit rasmi bagi pelepasan cukai.*



241, Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia.

☎ +604-228 0342 📞 +6011-3108 4001

✉ wcc@wccpenang.org



www.wccpenang.org



13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,

13700 Seberang Jaya, Penang, Malaysia.

☎ +604-398 8340 📞 +6016-439 0698

✉ ppw@wccpenang.org



ISBN 978-629-92802-0-0



9 786299 280200